



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 3313]**

**PENGUMUMAN YANG DIPERTUA:**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3313]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3313]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3314]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
Ruangan 3315]

**JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DI BAWAH PERATURAN**  
MESYUARAT 80 [Ruangan 3345]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 3346]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan)  
[Ruangan 3346]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan)  
[Ruangan 3377]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,  
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
P.M.K. (Kota Bahru).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI  
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO-RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Bestut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan, dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFFA (Paloh).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHEN *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MUHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- ” TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar)
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., A.B.S.  
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.  
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.  
(Bagan Datoh).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.  
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.  
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.  
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.  
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.  
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kuala Muda).
- „ **TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK**, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH**, D.S.K., B.K., F.P.M. (Hilir Padas).
- „ **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF** (Kuantan).
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS**, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM**, J.S.M. (Setapak).
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD** (Baling).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH**, S.M.K. (Bachok).
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD** (Sri Gading).
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN**, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI**, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ **TUAN OO GIN SUN**, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN P. PATTO** (Menglembu).
- „ **TUAN RACHA UMONG**, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR**, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI**, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN**, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH**, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH**, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ**, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED**, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG** (Lambir).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN**, A.M.P., J.P. (Raub).

**Yang Berhormat DR TAN TIONG HONG (Kepong).**

- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**  
**WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 12hb Oktober, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

**Tuan Mustaffa bin Mohammad**

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukalah hendak memberitahu bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Kumpulanwang Pinjaman Pekebum (Pembubaran) 1981;
2. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1981;
3. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981;
4. Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981; dan
5. Akta Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1981.

## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya mengucapkan selamat datang dan selamat berkhidmat untuk negara di dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Encik

Mustaffa bin Mohammad yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kejayaannya menduduki kerusi yang agak sentimental, Sri Gading iaitu kawasan Pilihanraya Parlimen Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang Ketiga (*Tepuk*).

Pesanan ikhlas saya, jadilah Wakil Rakyat yang jujur serta penuh dedikasi dan penuh tanggungjawab kerana saya yakin bahawa rakyat di kawasan Yang Berhormat masih berhajatkan pembangunan dan inginkan perubahan. Jadilah Yang Berhormat sebagai tenaga penggerak tambahan, sebagai catalyst dan sebagai agen pembangunan. Selaku pemimpin tempatan berfungsi sebagai pohon Beringin, kuat dan kukuh untuk berlingung dari terik kekuatan kuasa persaingan hidup di dalam alam yang penuh mencabar ini. Penuhilah rintihan amanah penderitaan rakyat semoga tugas negara yang diamanahkan dapat dijalankan dengan seberapa sempurna.

Saya tujukan juga ucapan selamat datang ini kepada Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit dan Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai yang selama ini telah bercuti dan hanya dapat menduduki kerusi masing-masing pada hari ini walaupun kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah mengangkat Sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat di hadapan saya di Pusat Perlindungan Tahanan, Taiping pada 12hb. September, 1978.

Selamat bertugas dan selamat berkhidmat untuk bangsa dan negara.

PERUTUSAN  
DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga memaklumkan iaitu saya telah menerima Perutusan daripada

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada **Rang Undang-Undang** yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat yang lalu dan sekarang saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“25hb. Jun, 1981.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memersetujui **Rang Undang-undang** yang berikut tanpa pindaan:

1. **Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan);**
2. **Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran);**
3. **Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);**
4. **Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan**
5. **Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan).**

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”**

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Umar bin Haji Ismail.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu adalah atas nama Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

### **SISTEM PUNCH CLOCK**

1. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang diperolehi daripada peraturan bekerja yang menggunakan Kad Penentuan Waktu (Punch Card) yang dilaksanakan baru-baru ini dan benarkah peraturan ini tidak disenangi oleh sebilangan pegawai dan kakitangan Kerajaan kita.

**Menteri Tak Berfotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, sistem punch clock telah dilaksanakan atas dasar percubaan mulai bulan September 1981 sebanyak 12 buah agensi di bawah empat Kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Percubaan juga sedang dilaksanakan di Bahagian Pentadbiran Hospital Besar Kuala Lumpur. Di samping itu beberapa Kerajaan Negeri juga telah mula menggunakannya. Kajian penilaian sedang dibuat supaya sistem itu dapat digunakan dalam semua agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Tujuan penggunaan punch clock itu adalah untuk menambah disiplin pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan serta mencegah mencuri waktu. Sistem itu mencatat waktu kedatangan dan waktu pulang dengan tepat dan sebarang kelewatan atau pulang sebelum waktunya dicatat dengan tinta merah. Dengan demikian adalah senang untuk mengesan perbuatan peraturan yang melanggar peraturan pejabat dan apabila berlaku pegawai atau kakitangan yang berkenaan dikehendaki memberi penjelasan yang sewajarnya. Jika penjelasannya tidak memuaskan tindakan tatatertib akan diambil.

Setakat ini sambutan daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah menggalakkan. Jikalau ada golongan yang tidak senang dengan sistem ini mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang selalu suka datang lambat. Pada keseluruhannya mereka lebih bertanggungjawab dan menunjukkan kesedaran tentang kegunaan waktu pejabat. Mereka telah datang lebih awal dan tidak meninggalkan pejabat sebelum waktunya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan satu sistem "clock in" dan "clock out" tetapi tanpa satu re-orientasi fikiran, sikap dan falsafah kakitangan-kakitangan Kerajaan, sistem "clock in" dan "clock out" tidak akan boleh menunjukkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan licin? Sebaliknya boleh menjadikan satu pentadbiran yang tidak lebih bersih, tidak cekap dan tidak licin.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, soal hendak meminta pegawai-pegawai datang awal ke pejabat iaitu pada pukul 8.00 pagi tidak perlu apa-apa orientasi kepada mereka.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, punch card system ini kakitangan dimasukkan office pukul 8.00....

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana bunyinya?

**Tuan V. David:** Soalannya saya mahu tanya kalau sudah masuk office pukul 8.00 apabila dia mahu keluar, dia tidak payah punch lagi. Bila-bila masa dia boleh keluar dan masuk balik pada pukul 4.00, dia punch, dia boleh balik. Apakah cadangan Kerajaan dan macam mana boleh selesai perkara ini?

Yang kedua, kalau dalam pejabat itu mustahak ada effisyensi yang selalu kita ucapkan atau cerita dengan effisyensi tetapi nampak fail dari satu meja ke satu meja tiga empat hari baru sampai. Apakah cadangan Kerajaan hendak ambil?

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Mengikut peraturan kerja tiap-tiap pegawai dan Kakitangan yang hendak meninggalkan pejabat setelah dia ada di pejabat mestilah dengan kebenaran. Itu jawapan soalan yang pertama.

Yang keduanya, berhubung dengan kerja-kerja pejabat, saya akui bahawasanya sistem yang ada sekarang ini tidak semestinya menjamin bahawasanya produktiviti pegawai-pegawai dan kakitangan itu akan bertambah tetapi oleh sebab sistem ini menjamin bahawasanya tiap-tiap pegawai itu akan dapat bekerja sepenuhnya masa dalam erti kata waktu pejabat 8.00 pagi hingga 4.00

petang dan tidak ada kecurian masa dan dengan itu secara langsung atau tidak langsung ketinggian mutu perkhidmatan sudah bertambah dan kekapitannya adalah terjamin juga.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri adalah ahli-ahli Kerajaan iaitu para Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dikehendaki menggunakan kad-kad penentuan waktu? Jika sekiranya seorang Menteri ataupun Timbalan Menteri datang lewat ke pejabat kepada siapa beliau dikehendaki memberi penjelasan.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Semua Menteri-menteri dalam jabatan-jabatan yang menggunakan punch card system itu adalah terlibat dengan penggunaan punch card dan soal mendisiplinkan Menteri-menteri ini adalah perkara yang akan dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

**Tuan P. Patto:** Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri beliau ada menyatakan bahawa sistem yang diperkenalkan ini adalah untuk menjamin bahawa tidak ada sebarang kecurian masa berlaku di kalangan kakitangan Kerajaan dan beliau juga ada menyebut tentang kecekapan dan prestasi setiap kakitangan Kerajaan. Saya ingin tahu apakah prioriti Kerajaan dalam sistem ini sama ada untuk menjamin bahawa setiap pegawai Kerajaan itu berada dalam pejabat dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang dan prioriti itu habis di situ ataupun prioritinya adalah untuk menentukan bahawa kecekapan dan prestasi setiap kakitangan Kerajaan itu diberi keutamaan?

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tujuan kita mengadakan punch card system ialah untuk menjamin bahawasanya tidak ada kecurian waktu pejabat iaitu dikehendaki semua pegawai datang pukul 8.00 pagi dan tidak balik awal dari masa yang ditentukan. Itulah sebabnya diadakan punch card system ini.

Perkara hendak meninggikan mutu pekhidmatan pegawai-pegawai, keupayaan mereka menjadikan mereka lebih motivated dan dedicated itu akan dibuat melalui

tindakan-tindakan yang lain, dan berhubung dengan perkara ini soalan No. 14 yang akan saya jawab kemudian ada kaitan dengannya.

### AGEN-AGEN KGB

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada penyusupan agen-agen KGB ke dalam Kerajaan Malaysia di peringkat atasan suatu keadaan yang serius berikutan pendedahan kegiatan KGB baru-baru ini dalam Malaysia dengan pengusiran beberapa kakitangan diplomat Russia dan penangkapan Encik Siddiq Mohamed Ghouse, dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan satu kertas putih mengenai kedudukan KGB di negara ini dan apakah langkah-langkah positif yang Kerajaan bercadang mengambil bagi melindungi kedaulatan Union atau lain-lain kuasa luar.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan yang sama nadanya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling, Tumpat, Damansara, Baling dan dari Pengkalan Chepa.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan pengintipan oleh agen-agen asing di kalangan peringkat atasan dalam Kerajaan atau masyarakat kita setakat ini tidaklah merupakan satu ancaman yang serius.

Berhubung dengan insiden Siddiq Ghouse, keterangan-keterangan lengkap telahpun diberi oleh Kerajaan dan Kerajaan berpuas hati bahawa insiden ini tidak menjejaskan kedudukan keselamatan di kalangan atasan pentadbiran Kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan "Kertas Putih" mengenai perkara itu.

Dalam soal menyelamatkan Siddiq Ghouse apa yang suka saya tegaskan di sini ialah bahawa pendirian anti-komunis Kerajaan mengutamakan fakta keselamatan dalam negeri sebelum fakta-fakta lain diambil kira. Walaupun Kerajaan telah mengetahui perkara ini sejak tahun 1979 Kerajaan

memang sengaja tidak membuat apa-apa dengan tujuan untuk membolehkan pihak berkuasa mengetahui secara mendalam lagi tentang tujuan serta kegiatan-kegiatan pegawai-pegawai Soviet di negara ini.

Siddiq Mohamed Ghouse tidak akan dihadapkan ke mahkamah di atas kegiatannya itu oleh sebab tindakan mahkamah akan menjejaskan keselamatan negara. Sebagai dasar Kerajaan tidak akan menerima lagi diplomat-diplomat asing yang telah disingkirkan dari negara ini untuk bertugas semula di kedutaan mereka sendiri.

Tuan Yang di Pertua, Walau bagaimanapun, suka saya tegaskan di sini bahawa demi kepentingan keselamatan dan kedaulatan negara, Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap sebarang kegiatan-kegiatan pengintipan oleh mana-mana agen asing di negara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya suka hendak bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sedar bahawa oleh sebab kedudukan negara Malaysia di suatu rantau yang telah menjadi satu kancah persaingan yang hebat di antara kuasa-kuasa besar dan sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sedar berkenaan hal ini, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah yang positif yang boleh mencegah kegiatan pengintip-pengintip baik pun dari negara Russia ataupun dari negara luar untuk campurtangan dalam hal ehwal negara kita?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedemikian sebenarnya telahpun dilaksanakan, sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Itulah sebabnya kita berjaya dapat mengesan pengintip-pengintip berkenaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa sejak berlakunya peristiwa KGB baharu-baharu ini, adakah Kementerian sudah mengambil tindakan untuk menyiasat dan memeriksa aktiviti-aktiviti parti-parti politik termasuk badan-badan dan pertubuhan yang ada berkaitan dengan negara-negara asing supaya

keselamatan dan kedaulatan negara boleh diperindungi?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti-bukti ke atas parti-parti politik yang sah ada kaitan dengan negara-negara luar kalau mana-mana Ahli Yang Berhormat ada maklumat demikian, saya sedia menerima dan menelitinya.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan setakat ini hanya mengetahui tentang kegiatan-kegiatan daripada KGB sahaja daripada kegiatan-kegiatan agen-agen asing. Dan adakah benar bahawa Kerajaan mengetahui kegiatan-kegiatan daripada KGB ini adalah hasil daripada kerjasama agen-agen asing yang lain seperti CIA yang dapat membantu Kerajaan di dalam membongkar kegiatan-kegiatan daripada KGB?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan pertama, saya suka menyatakan bahawa di kalangan Kerajaan sekarang tentulah ada proses hendak mengetahui di kalangan Kerajaan luar di atas apa jua yang sedang terjadi di dalam negara kita ini sama ada ini dianggap sebagai proses mengintip tidak terpenting selagi kita tidak menganggap proses hendak mengetahui ini sebagai ancaman keselamatan dalam negeri.

Kepada soalan yang kedua, jawapannya tidak. Ini adalah semata-mata usaha pihak Cawangan Khas Kerajaan kita sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang.** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara Siddiq Mohamed Ghouse bukanlah perkara yang isolated dalam kegiatan-kegiatan KGB untuk menjalankan kegiatan mereka mengancam keselamatan negara kita. Mengikut Kerajaan bagi tahun 1976 ada dua Timbalan Menteri terlibat dalam kegiatan KGB. Apakah tindakan tegas Kerajaan akan ambil terhadap negara Soviet Union oleh kerana tindakan ini merupakan satu tindakan yang sangat hostile—satu tindakan bermusuhan, baharu-baharu ini satu tindakan telah diambil terhadap negara United Kingdom atas perkara-perkara yang kalau dibandingkan begitu kecil selain daripada pengusiran diplomat-diplomat atau agen-agen KGB, adakah tindakan-tindakan lain akan diambil?

Adakah ini termasuk satu ulangkaji perhubungan antara negara kita dengan Soviet Union dan adakah sekatan akan dikenakan terhadap bilangan kakitangan-kakitangan dalam Kedutaan Soviet Union?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, insiden Siddiq Mohamed Ghouse sepanjang mana yang saya ketahui ialah merupakan insiden yang ganjil dan tidak boleh dibandingkan dengan insiden-insiden yang lain lebih-lebih lagi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Berhubung dengan sikap ataupun langkah-langkah Kerajaan yang perlu diambil apabila diketahui sesuatu insiden seperti yang telah berlaku, langkah-langkah yang diambil itu ialah mengikut langkah-langkah diplomatic procedure antarabangsa dan Kerajaan akan memutuskan sesuatu langkah itu mengikut apa yang boleh dikatakan merit of each case or demerit of each case iaitu kalau benar-benar terlampau serius tidaklah Kerajaan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang lebih tegas dan yang lebih besar lagi dari segi hubungan antarabangsa dengan negara yang berkenaan.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh dibandingkan insiden Siddiq Mohamed Ghouse dan aktiviti-aktiviti pihak Soviet di negara kita ini yang telah terlibat di dalam beberapa insiden yang kita anggap mengancam keselamatan negara dengan apa yang sedang terjadi dengan Kerajaan ataupun dengan pihak-pihak British, jadi tidak kena comparisonnya yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar baharu-baharu ini sahaja ada satu accusation yang serius dalam sebuah Dewan di mana seorang wakil rakyat ada accused KGB agen dan jika begini, adakah tindakan sudah diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Umum begini tidak payah dijawab.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Oleh sebab saudara saya tadi ada berkata di rantau ini adalah satu rantau yang penting

barangkali masa akan datang ada banyak aktiviti-aktiviti pengintipan. Adakah Kerajaan akan menubuhkan pejabat-pejabat untuk mencegah aktiviti-aktiviti ini? Misalnya kalau United Kingdom ada MI 5 dan MI 6 sekarang di negara kita pula ada pejabat-pejabat semacam itu supaya boleh mencegah aktiviti-aktiviti pengintipan pada masa akan datang.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa cara pentadbiran yang ada wujud di dalam negara kita pada masa ini mencukupi untuk menghadapi apa jua ancaman serupa yang telah, sedang dan akan kita hadapi.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu sama ada keengganan Kerajaan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap Siddiq Mohamed Ghouse itu benar-benar kerana ia dianggap akan menjejaskan keselamatan negara ataupun ada dipikirkan bahawa ia akan menjejaskan hubungan diplomatik dengan USSR?

Kedua, sama ada selepas insiden Siddiq Mohamed Ghouse ini pihak Kerajaan telah mengkaji bilangan kakitangan kedutaan dalam setiap kedutaan di Malaysia, khususnya kedutaan negara-negara kuasa besar atau Super Powers memandangkan bahawa kegiatan-kegiatan badan-badan seperti KGB dan CIA di beberapa negara-negara lain khususnya negara-negara dunia ketiga?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi praktik diplomasi bahawa sebelum seseorang itu dilantik untuk memegang jawatan sebagai Diplomat di dalam sesuatu negara asing persetujuan didapati terlebih dahulu daripada Kerajaan di mana Diplomat itu akan ditempatkan. Dari segi sikap negara kita di atas sesuatu diplomatic mission di negara kita ini sendiri, kita akan menentukannya dengan persetujuan negara yang berkenaan dan kalau difikirkan perlu dihadkan sesuatu diplomatic mission itu dari segi angka kakitangannya, ini akan dibuat tetapi setakat ini seperti saya jawabkan tadi kedudukannya tidak begitu memerlukan.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa atas soalan yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang!

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi saya ada minta sama ada keengganan Kerajaan untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Siddiq Mohamed Ghouse itu benar-benar ialah kerana ia dianggap akan menjejaskan keselamatan negara dan bukan kerana ia akan menjejaskan hubungan diplomatik dengan USSR.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah kerana ini akan menjejaskan keselamatan dalam negeri.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan lebih lanjut sama ada Kerajaan di dalam menjaga keselamatan itu mempunyai dasar untuk menyelamatkan warganegara Malaysia dari terlibat di dalam perangkap agen-agen asing ini kerana ternyata bahawa apabila Kerajaan sudah mengetahui Siddiq Ghouse telah terperangkap ke dalam kegiatan agen-agen ini Kerajaan membiarkan terus terlibat di dalam keadaan itu seolah-olah tidak mempunyai dasar untuk menyelamatkan warganegara dari terlibat di dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan tadi telah terkandung jawapan itu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama adakah Kerajaan bercadang membawa satu kertas putih di dalam Dewan ini beri keterangan macam mana awal Kerajaan sudah tahu Encik Siddiq Ghouse ada bersangkutan dengan perkara macam ini tetapi tidak kena tahan atau Kerajaan ada beritahu kepada rakyat di negara kita ataupun Ahli-ahli Parlimen? Fasal apa Kerajaan sampai 5-6 tahun tidak ambil tindakan atas Encik Siddiq Ghouse?

Kedua, adakah cadangan bawa satu kertas putih di Dewan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat menjawab tadi dalam jawapan

yang pertama, tidak hendak membawa kertas puteh, tidak perlu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah ketiga-tiga agen KGB yang diusirkan jawatan mereka digantikan? Dan apakah tindakan diambil untuk menentukan atau memastikan bahawa pengganti mereka tidak akan menjadi agen-agen KGB atau personnel KGB?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap terus terang, setahu saya belum digantikan.

### LAPORAN KETUA ODIT NEGARA 1977

3. **Tuan Chan Tek Chan** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan segala kelemahan, kepincangan dan penyelewengan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Laporan Ketua Odit Negara 1977 khasnya berkaitan dengan sistem perakaunan, pentadbiran, pengurusan dan perancangan.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kelemahan dan kepincangan mengenai pentadbiran dan pengurusan wang Kerajaan adalah meliputi bidang-bidang perakaunan, pentadbiran, pengurusan dan perancangan.

Dalam bidang perakaunan, sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan telah diperkemaskan dan dipermodenkan. Pejabat-pejabat Perakaunan Wilayah telah ditubuhkan di seluruh negara untuk menyegerakan proses-proses perakaunan Kerajaan. Mesin-mesin perakaunan telah dipermodenkan dengan penggunaan komputer bagi mengemaskinikan data-data perakaunan Kerajaan. Di samping itu lebih banyak jawatan Pegawai-pegawai Perakaunan telah diwujudkan untuk menguruskan kerja-kerja perakaunan di Kementerian-kementerian serta agensi-agensi Kerajaan. Latihan-latihan mengenai perakaunan juga sentiasa diadakan dari masa ke masa untuk mempertingkatkan lagi prestasi dan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai yang terlibat dalam kerja-kerja perakaunan Kerajaan.

Dalam bidang pentadbiran dan pengurusan kewangan pula Kerajaan telah mengeluarkan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling serta Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan untuk memberi garis-garis panduan dan menentukan tanggungjawab-tanggungjawab Pegawai-pegawai Pengawal mengenai pengurusan dan pengawalan kewangan Kerajaan. Sebagai tambahan, seminar-seminar dan kursus-kursus mengenai pentadbiran dan pengurusan kewangan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa bagi semua peringkat pegawai untuk memudahkan mereka memahami kehendak-kehendak Arahan-arahan dan Pekeliling-pekelling tersebut.

Kerajaan juga telah mengubah sistem Belanjawan Negara dari sistem Belanjawan Tradisional kepada sistem Belanjawan Program dan Prestasi. Sistem ini menitikberatkan prestasi dan penghasilan (output) ke atas perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang ditentukan. Perubahan ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Setakat ini semua agensi Kerajaan telahpun mengemukakan Belanjawan mereka mengikut program dan aktiviti. Di samping langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi, Kerajaan akan sentiasa menimbang dan mengkaji langkah-langkah baru yang telah diadakan untuk memperkemaskan lagi pengurusan kewangan Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini kenapa amalan Parlimen yang biasa di mana Laporan Ketua Odit Negara dibentang di Dewan yang mulia ini dengan satu Memorandum atau Minit Perbendaharaan yang mencatatkan kedudukan yang sebenarnya pada masa pembentangan Laporan Ketua Odit mengenai beberapa perkara yang menjadi komen-komen atau ulasan-ulasan dalam Laporan Ketua Odit sekarang tidak dijalankan oleh kerana ini menunjukkan satu cara di mana Perbendaharaan atau Kerajaan tidak membuat satu laporan Ketua Odit Negara? Bolehkah cara ini dipulihkan di mana bukan sahaja Laporan Ketua Odit Negara tetapi juga Memorandum



Perbendaharaan atas Laporan itu, dua-dua boleh ditimbang, dikaji dan dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan Laporan Juru Odit 1977 itu mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (e) tidak boleh dibangkitkan di dalam Dewan ini sehingga dilaporkan atau dibentang dalam Dewan ini oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu timbulkan apa-apa perkara yang ada laporan tetapi ialah satu amalan yang biasa di mana dengan satu Laporan Odit Negara adalah Treasury Memorandum. Bolehkah ini dikembalikan oleh Kerajaan supaya ada satu accountability, satu langkah kepada Parlimen ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini pertanyaannya untuk dihidupkan semula amalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Dengan laporan tahun 1977 kenapa tidak ada Treasury Memorandum, saya bukan ada apa-apa dalam perkara itu. Bolehlah satu Treasury Memorandum dibuat untuk Parlimen dan dahulu dalam Parlimen ini pun ada dikembalikan, dipulihkan sistem ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, amalan yang biasa dibuat akan dimulakan semula.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu dewan ini memandangkan banyak kesilapan dan kepincangan berlaku dalam pentadbiran dan perlaksanaan seperti mana dilaporkan dalam Laporan Ketua Odit Negara, maka apakah tindakan tatatertib akan diambil terhadap kakitangan yang dipertanggungjawabkan atas yang berlaku kesilapan ini termasuk Menteri-menteri Kabinet kalau ada didapati kecuai tugas dan tanggungjawab masing-masing?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan ini termasuk menyentuh tentang perjalanan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan oleh itu soalan tidak patut dikemukakan dalam Dewan ini mengenainya sehingga

laporan itu dibentangkan atau dilaporkan kepada Dewan ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Sedar bahawa sistem perakaunan masih ada kelemahan di banyak pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat Negeri dan Daerah, dan jikalau beliau sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk memperbaikinya?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, segala tindakan-tindakan yang telah saya senaraikan tadi akan digunakan untuk semua Jabatan-jabatan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan keempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

#### LAPORAN KETUA ODIT NEGARA

4. **Tuan Fung Ket Wing** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau maksudkan apabila beliau mengumumkan bahawa Kerajaan telah membenarkan akhbar-akhbar menyiarkan Laporan Ketua Odit Negara bagi 1977; adakah itu bererti bahawa kebebasan akhbar bertakluk kepada sama ada kebenaran Kerajaan diberi atau tidak.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa perkataan yang digunakan oleh akhbar apabila melaporkan tentang komen saya. Sebenarnya saya tidak berkata kebenaran itu diberi kepada akhbar. Tidak ada ketegahan bagi akhbar melaporkan satu laporan yang sudah dijadikan public property. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti yang kebenaran telah diberi oleh saya, saya ingin melihat bukti tersebut.

## MALAYSIA/CHINA— PERHUBUNGAN

5. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perubahan dan Kemajuan-kemajuan yang dicapai di dalam perhubungan Malaysia dengan China sejak tahun 1978 (semasa lawatan Encik Deng Xiaopeng) sehingga lawatan Encik Zhao Ziyang, baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tertubuhnya hubungan diplomatik dalam tahun 1974, hubungan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri China bolehlah dianggap memuaskan. Telah terdapat beberapa pertukaran lawatan di antara kedua-dua negara yang telah membawa kepada peningkatan persefahaman. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri China telah juga bekerjasama di dalam isu-isu perdagangan dua hala dan isu-isu antarabangsa seperti North-South Dialogue. Bagaimanapun sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Republik Rakyat China mengamalkan polisi mengadakan hubungan Kerajaan dengan kerajaan di samping mengadakan hubungan parti dengan parti dengan anasir-anasir komunis di rantau ini. Selagi polisi ini berterusan maka adalah sukar untuk mempertingkatkan lagi hubungan di antara kita dengan Republik Rakyat China yang selama ini merupakan satu hubungan yang boleh dianggap memuaskan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membangkitkan isu hubungan parti dengan parti ini semasa lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia dalam bulan Ogos, 1981. Bagaimanapun Perdana Menteri Zhou Ziyang tidak dapat menyakinkan kita bahawa Negeri China bersedia melucutkan hubungan parti dengan parti itu. Oleh yang demikian dalam hal ini tidak terdapat apa-apa kemajuan yang berkesan semenjak lawatan Timbalan Perdana Menteri Deng Xiaopeng. Malaysia akan sentiasa memandang berat hubungan parti dengan parti di antara Negeri China dengan anasir-anasir komunis.

## HARI PERAYAAN KEMERDEKAAN

6. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak ramai pegawai-pegawai Kerajaan menghadiri majlis-majlis menyambut perayaan Hari Perayaan Kemerdekaan pada tiap-tiap 31 Ogos, pada hal Kerajaan telah memberi cuti pada hari tersebut jika sedar, adakah beliau akan mengeluarkan arahan supaya semua pegawai Kerajaan mesti menghadiri Majlis Menyambut Perayaan Kemerdekaan di tempat masing-masing.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Matang, tidak semua pegawai Kerajaan dijemput ke majlis menyambut perayaan Hari Kemerdekaan dan pada kebiasaannya hanya ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan sahaja dijemput hadir. Dengan yang demikian adalah difikirkan tidak perlu arahan dikeluarkan bagi menghendaki semua pegawai Kerajaan menghadiri majlis tersebut.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat juga orang ramai terutama di dalam bandar semasa menyambut Hari Kebangsaan dengan sikap bina tidak bina sahaja. Yang meramaikan sambutan tersebut ialah kanak-kanak sekolah dan penduduk-penduduk kampung. Apakah langkah Kerajaan bagi meramaikan majlis perayaan Hari Kebangsaan cuma setahun sekali itu terutama penduduk dalam bandar.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Itu soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan itu luar daripada soalan yang asalnya.

Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

## KENAIKAN HARGA TAMBANG KAPAL

**7. Wan Zainab binti M. A. Bakar** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebab Amerika Syarikat menaikkan harga tambang kapalnya sebanyak 12% ke atas barang-barang dagangan eksport kita. Apakah tindakan 'Malaysia National Shippers Council' ke atas kenaikan tambang ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa yang menaikkan tambang kapal bukanlah Kerajaan Amerika Syarikat tetapi Perkumpulan Perkapalan (Shipping Conference) yang mengadakan perkhidmatannya ke Amerika Syarikat. Terdapat dua Perkumpulan Perkapalan yang mengadakan Perkhidmatan ke Amerika Syarikat iaitu Straits/New York Conference yang menyediakan perkhidmatan ke pelabuhan-pelabuhan di sebelah Barat USA dan Malaysia Pacific Rate Agreement di sebelah Timurnya. Kenaikan tambang sebanyak 12% tersebut adalah bagi kargo-kargo yang tidak dikira mengikut ukuran tiap-tiap 1,000 kilogram/meter padu dan kontena.

Pihak Perkumpulan Perkapalan mendakwa kenaikan ini perlu dilakukan oleh sebab kenaikan kos kendalian yang melambung semenjak Januari 1979 yang mana ianya tidak dapat lagi ditampung oleh perolehan-perolehan Perkumpulan.

Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC) telah membantah kenaikan ini serta meminta pihak Perkumpulan Perkapalan berkenaan menunjukkan bukti kira-kira mengapa perlunya kenaikan ini dan mencadangkan supaya satu perundingan diadakan di antaranya dengan MNSC. Malangnya segala permintaan dan cadangan ini enggan diterima oleh Perkumpulan Perkapalan berkenaan. Alasan yang mereka berikan ialah sebarang perundingan dengan Pengguna-Pengguna Kapal adalah bertentangan dengan 'Anti-Trust Law' yang diamalkan di Amerika Syarikat. Pengguna-pengguna Kapal Malaysia beranggapan

bahawa pihak Perkumpulan Perkapalan sengaja menggunakan undang-undang berkenaan sebagai satu cara perlindungan. Perkara ini telah dibawa ke peringkat ASEAN, iaitu melalui Persekutuan Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN (FASC) yang di dalam Mesyuarat Tahunannya yang ke 5 di Jakarta pada bulan Julai lalu, telah mengambil pendirian bersama menentang kenaikan tambang dan sikap yang ditunjukkan oleh pihak berkenaan.

Saya sebagai Pengerusi FASC telah menulis surat kepada Ketua Bahagian 'Anti-Trust Law' di Jabatan Keadilan Kerajaan Amerika Syarikat untuk meminta penjelasan lanjut mengenainya dan kedudukan Perkumpulan Perkapalan yang bertapak di Amerika Syarikat terutamanya mengenai keengganan mereka untuk berunding dengan Majlis Pengguna-pengguna Kapal di sebelah sini.

Perkara yang sama juga telah dibangkitkan kepada Encik William Brock Penasihat Khas Perdagangan kepada President Amerika Syarikat, semasa beliau melawat Malaysia baru-baru ini. Beliau telah bersetuju untuk mengambil perhatian mengenai perkara ini dengan memajukannya kepada pihak yang bertanggungjawab di negaranya.

## INSTITUSI PELAJARAN PERSENDIRIAN

**8. Tuan V. David** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana Kerajaan akan melengkapkan institusi pelajaran persendirian di dalam usaha Kerajaan membaiki kepakaran teknik di kalangan belia Malaysia.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamarudin):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk melengkapkan institusi pelajaran persendirian.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tidak menyokong atau menolong kepada institusi luar bagaimana Tunku Abdul Rahman College Kerajaan ada membantu.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak termasuk di dalam soalan membaiki kepakaran teknik sepertimana terkandung di dalam soalan.

**PENGISYTIHARAN HARTA-BENDA—  
MENTERI DAN PEGAWAI  
KERAJAAN**

**9. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada langkah-langkah lanjut akan diambil berkait dengan pengisytiharan harta-benda oleh Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan dalam borang-borang tertentu seperti pemeriksaan sempurna, pengoditan dan siasatan penuh.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan yang dibuat oleh Menteri, Timbalan Menteri dan anggota pentadbiran yang lain akan diteliti oleh saya. Jika sekiranya terdapat laporan atau tuduhan terhadap mereka, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyemak kembali perisytiharan yang dibuat. Berhubung dengan Pegawai-pegawai Kerajaan, peraturan-peraturan telahpun ada yang membolehkan pihak Kerajaan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang membuat perisytiharan palsu atau di mana terdapat pegawai-pegawai yang mendapat harta lebih daripada keupayaan mereka.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri membuat perisytiharan kepada Perdana Menteri, tetapi Perdana Menteri pula kepada siapa membuat Perisytiharan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya kalau tidak menjalankan tugas saya dengan sempurna, tak lamalah saya menjadi Perdana Menteri.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini pada beberapa tahun dahulu satu langkah macam ini dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, di mana dikehendaki Menteri-menteri mengisytiharkan harta kepada beliau sendiri. Saya ingat sekarang ini langkah yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

serupa juga jika harta itu dilaporkan kepada beliau sendiri, dan dahulu pun ada satu langkah macam itu, kita tidak dapat apa faedah. Saya ingat kalau seperti ini tidak ada perbezaan dan barangkali langkah ini tidak boleh mendaratkan satu hasil yang baik. Bolehkah Yang Amat Berhormat mengisytiharkan laporan harta itu bertepatan kepada umum, kepada rakyat atau Parlimen supaya kita boleh faham laporan itu betul atau palsu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, amalan membuat perisytiharan harta ini bukanlah dimulai di zaman Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri tetapi adalah lebih awal lagi daripada itu. Adalah tidak benar mengatakan bahawa laporan itu tidak berkesan sama sekali. Kalau kita tinjau kebelakangan ini kita akan tahu ada beberapa Menteri Besar dan juga beberapa Menteri yang terpaksa berhenti daripada memegang jawatan mereka kerana ada tuduhan-tuduhan terhadap mereka bahkan ada Menteri yang telah dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan kerana tuduhan-tuduhan itu. Perbezaan antara amalan yang lama dengan amalan yang baru ini ialah kalau dahulu Menteri cuma melaporkan tentang harta kepunyaannya sendiri sahaja, kali ini kita berkehendakkan supaya dianya melaporkan berkenaan dengan harta isteri ataupun isteri-isteri dan juga anak-anaknya supaya dapatlah kita mengetahui sama ada apa yang diperolehi secara tidak baik atau secara yang tidak diizinkan itu dibuat melalui keluarganya. Juga kali ini kita menyiapkan satu borang tertentu untuk memudahkan perkiraan dibuat tentang harta yang dimiliki oleh mereka itu dan perisytiharan harta itu mungkin akan dibuat berkali-kali mengikut jadual yang akan ditentukan supaya dapat kita menepatkan sama ada ada tambahan yang luar biasa di dalam satu jangka masa. Juga pihak saya telah berhubung dengan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengetahui cara-cara perkiraan "wealth" seseorang supaya dengan cara itu dapatlah kita membuat bandingan kekayaannya dengan perolehannya. Pendek kata, macam-macam lagi cara telah dan sedang digubal untuk menentukan supaya pengisytiharan harta ini bukan dibuat secara permainan tetapi adalah secara yang serius.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengarahkan supaya semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri melaporkan harta-benda mereka kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan sama ada beliau sedar ada seorang isteri kepada Ahli Dewan Rakyat menggunakan nama baik suaminya untuk mendapatkan sekeping tanah seluas 31.25 ekar . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain dan terkeluar dari soalan asal.

**Tuan Chian Heng Kai:** Soalan yang pertama dahulu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu tahu bahawa Ahli Dewan Rakyat ini dan Ahli Dewan Undangan Negeri tidak berkuasa sama sekali, bahkan Kerajaan mempunyai kuasa yang besar terhadap mereka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah borang untuk pengisytiharan harta-benda Menteri dan Timbalan Menteri, harta-benda isteri dan isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka dikeluarkan satu date-line di mana semua sudah diisytiharkan atau belum, dan kalau belum, kenapa begitu lama, sudah lebih 3 bulan untuk mewujudkan satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin untuk menjalankan satu perkara yang begitu simple?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini semua cerita isteri sahaja? Suami tak sebut. (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, termasuk suami jikalau ada (*Ketawa*) dan suami-suami.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana cara ini adalah cara yang baru, yang pertamanya kita mengambil masa sedikit untuk menggubal dan menyediakan borang-borang tertentu dan borang-borang itu hendaklah dibuat dengan cara yang berkesan. Sesudah itu kita terpaksa memberi peluang pula kepada semua pihak bukan sahaja Menteri-menteri tetapi bilangan pegawai yang agak banyak dan yang agak ramai untuk mengisi borang-borang ini. Setakat ini saya belum lagi dapat menentukan tarikh tutup pengisytiharan itu tetapi saya

akan menentukan tarikh itu tidak berapa lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak juga lagi hendak bertanya? Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang hendak beri Ahli-ahli Dewan ini tengok borang itu, bukan hendak buat apa, hendak tengok, hendak dapat tahu apa yang patut diisi, mana tahu kalau saya pula jadi Menteri kelak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tengok borang sahajakah atau borang yang sudah diisi.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Borang yang hendak diisi hendak tengok macam mana rupa dia (*Ketawa*).

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ini termasuk dalam perkiraan rujukan balik PAS kepada Barisan Nasional, saya akan memberi (*Ketawa*) borang kosong untuk Ahli Yang Berhormat itu melihatnya (*Ketawa*).

## SIMPANAN WANG DI LUAR NEGERI

**10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sejak Kerajaan mengeluarkan arahan kepada semua Menteri Persekutuan dan Ketua Menteri/ Menteri Besar negeri-negeri, ahli-ahli Exco serta pegawai-pegawai Kerajaan mengisytiharkan hartanya, ramai di antaranya telah menyimpan wang mereka di bank-bank di Singapura atau di luar negeri; sama ada Kerajaan akan memerhatikan secara terperinci dan meneliti kedudukan kewangan negara sebenarnya sama ada ia akan terjejas dengan pengaliran keluar wang negara ke negeri-negeri luar, ataupun ia sepatutnya dikawal supaya tidak mengalir dengan begitu mudah. Jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan bahawa sejak arahan mengisytiharkan harta ramai di antara Menteri-menteri (saya tegaskan perkataan "ramai") di antara Menteri-menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri, ahli Exco dan

pegawai menyimpan wang mereka di bank-bank di Singapura adalah satu tuduhan yang serius. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Yang Berhormat menyampaikan bukti itu kepada saya. Jika Ahli Yang Berhormat tidak mempunyai bukti bahawa ramai dari orang yang tersebut ini berbuat demikian, saya harap Ahli Yang Berhormat menarik balik tuduhan ini dan meminta maaf. Walau bagaimanapun, saya harap Ahli Yang Berhormat tidak keberatan disoal oleh pegawai yang berkenaan kerana ini adalah tindakan biasa dalam kes seperti ini.

Kerajaan memang meneliti pengaliran wang di Malaysia. Kawalan terhadap pengaliran memang dibuat walaupun sekatan secara langsung tidak ada. Tidak ada bukti setakat ini bahawa pengaliran wang keluar disebabkan oleh Menteri dan lain-lain pegawai menyimpan wang di luar negeri.

Berkenaan dengan soalan yang terakhir, saya tidak dapat jawab kerana saya tidak faham apakah yang tidak dibuat yang menyebabkan soalan 'Jika tidak, mengapa'.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sebelum tindakan pengisytiharan hartabenda diumumkan ada beberapa Wakil Rakyat, pemimpin dari Opposition Party ada foreign accounts, juga ada berkaitan dengan soal asal ini? Jika Yang Amat Berhormat sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyasiat Wakil-wakil Rakyat atau sebahagiannya dari Parti Pembangkang yang ada foreign accounts di negara asing?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini juga merupakan satu tuduhan dan jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti, saya ingin mendapat bukti itu dan saya akan mengambil apa-apa tindakan yang perlu.

#### SURUHANJAYA PILIHANRAYA— PENDAFTARAN PEMILIH

**11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah sambutan orangramai terhadap penyemakan dan pendaftaran

pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dari 17-8-1981 hingga 27-9-1981 di seluruh negara. Nyatakan berapa ramaikah pemilih-pemilih baru itu bertambah bagi tiap-tiap negeri, dan berapa pula jumlah bilangan pemilih yang sudah berdaftar sebelum 17-8-1981.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya pada masa ini sedang memproses permohonan-permohonan yang diterima dari seluruh negara dari pemilih-pemilih baru dan dari pemilih-pemilih yang memerlukan pertukaran alamat. Tidak dapat ditentukan buat masa ini berapa ramaikah pemilih-pemilih baru didaftarkan kerana proses menyemak pemohon-pemohon mengikut jadual hanya akan berakhir pada bulan Januari, 1982.

Mengikut daftar pemilih yang ada sekarang yang disahkan pada bulan Mei, 1981 bilangan pemilih ialah seramai, 5,598,826.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baru-baru ini apabila Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kempen untuk mendaftarkan pemilih-pemilih, banyak aduan-aduan telah diterima oleh saya dan juga aduan-aduan itu pun ada juga dilaporkan dalam suratkhbar, bahawa dibanyak pusat-pusat pendaftaran tidak ada borang-borang yang mencukupi untuk mendaftarkan pengundi-pengundi; dan jika beliau sedar, adakah Kementerian yang berkenaan ataupun Jabatan berkenaan akan mengambil langkah untuk mengelakkan kejadian ini dari berlaku pada masa akan datang.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Pada peringkat mula memang ada sedikit komplin daripada orangramai kerana borang-borang yang diedarkan itu tidak mencukupi. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan telah diambil memastikan bahawasanya borang-borang yang diberikan oleh tiap-tiap buah negeri itu adalah lebih dari mencukupi. Ini hanyalah masalah di peringkat mula, tetapi setelah pendaftaran dijalankan hingga akhir, tidak ada lagi komplin ataupun apa-apa masalah yang berkaitan dengannya yang timbul.

**PENYIARAN AUSTRALIAN  
BROADCASTING CORPORATION  
MEMPERSENDAKAN PERDANA  
MENTERI**

**12. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada penyiasatan telah dibuat mengenai mereka yang terlibat dalam penyiaran ABC (Australian Broadcasting Corporation) yang mempersendakan YAB Perdana Menteri baru-baru ini;
- (b) kiranya ada rakyat Malaysia yang menetap di Australia yang berkerja dengan ABC terlibat dalam perbuatan tersebut, apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap mereka; dan
- (c) tindakan yang diambil terhadap ABC (yang mempunyai wakilnya di Malaysia) dan sama ada ABC telah membuat siaran meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia atas kejadian tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Canberra telahpun membuat pertanyaan tentang perkara ini dan mereka berpuashati dengan keterangan yang diberi oleh pihak berkuasa Australia, bahawa orang-orang yang terlibat dalam penyiaran ABC yang mempersendakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini adalah terdiri daripada kakitangan ABC di Brisbane sahaja dan tidak melibatkan seorang lain pun.
- (b) Tidak ada seorang rakyat Malaysia yang menetap di Australia yang berkerja dengan ABC terlibat dalam perbuatan tersebut.
- (c) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Canberra mensifatkan siaran itu sebagai memalukan dan menyentuh nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta telah membuat surat bantahan rasmi kepada Stesyen Radio Australia cawangan Brisbane supaya pihak berkenaan menuntut

maaf. Beliau juga telah membuat bantahan rasmi kepada Jabatan Luar Negeri Australia. Walaupun Stesyen Radio di Australia dianggap bebas dari kawalan Kerajaan, Jabatan Luar Negeri Australia telah menuntut maaf daripada pihak berkenaan. Ekoran dari reaksi tersebut Menteri Luar Negeri Australia, Encik Tony Street telah membuat kenyataan akhbar melahirkan rasa keciwa dan mensifatkan siaran itu sebagai bodoh dan menghina kepada Australia dan Malaysia. Perdana Menteri Australia juga telah mengutus surat yang serupa kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri. Pihak Stesyen Radio Australia tersebut juga telah meminta maaf kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan rakyat Malaysia melalui siarannya di udara.

**LAWATAN PERDANA MENTERI  
KE SEPANYOL**

**13. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa beliau semasa cuti berehat selama dua minggu di Sepanyol baru-baru ini Y.A.B. Perdana Menteri telah dihubungi oleh Menteri Kanan Negara Sepanyol dan secara kebetulan pula pada ketika itu Putra Mahkota dari Arab Saudi sedang berada di Negara tersebut, dapatkah beliau membuat kenyataan kepada Dewan ini sama ada sebarang pertemuan dan perundingan telah dibuat baik secara rasmi atau tidak serta butir-butir dari perundingan itu mana yang patut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lawatan saya adalah lawatan tidak rasmi, Menteri Luar Sepanyol telah menjemput saya ke majlis makan tengahari guna untuk berkenal-kenalan. Tidak ada perbincangan yang serius yang belaku. Lawatan pembesar dari negara lain ke Sepanyol tidak ada kaitan dengan perjumpaan ini.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Dewan ini mengetahui lawatan Yang Amat Berhormat itu adakah berhubung dengan kesihatan

ataupun makan angin ataupun apa sahajalah? (Ketawa).

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana berihat itu adalah satu daripada cara-cara menjaga kesihatan, bolehlah dikatakan lawatan saya itu kerana kesihatan juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kalau hendak tahu lebih dalam, jumpa di luar Dewanlah. (Ketawa).

#### **PENTADBIRAN LICIN, CEKAP DAN BERSIH**

**14. Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan dalam melahirkan sebuah pentadbiran yang licin, cekap dan bersih setakat ini dan reaksi pegawai-pegawai Kerajaan dalam melaksanakan dasar tersebut.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk melahirkan sebuah pentadbiran yang licin, cekap dan bersih itu adalah usaha yang dijalankan secara terus menerus. Usaha itu memang berjalan sejak dahulu dan akan diperkuatkan lagi sekarang ini demi untuk menjamin supaya semua matlamat-matlamat pembangunan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru akan dapat tercapai.

Sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia pada amnya pernah dikatakan sebagai salah satu yang terbaik di Asia dan Kerajaan berpuashati dengan kejayaan yang dicapai serta perkhidmatan yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam selama ini. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaiki dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan mereka. Kerajaan juga berusaha untuk menghapuskan kelemahan-kelemahan yang boleh membazir wang rakyat, dan mendapat hasil yang lebih baik bagi tiap ringgit wang rakyat yang dibelanjakan dan menghapuskan sebarang penyelewengan dalam pentadbiran Kerajaan. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan telah menubuhkan MAMPU di Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia yang mempunyai peranan untuk mengujudkan agensi-agensi Kerajaan

yang berkesan bagi melaksanakan tugas pembangunan negara. Latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah penting bagi meninggikan mutu perkhidmatan mereka. Dalam konteks ini Kerajaan telah menubuhkan INTAN pada bulan September, 1972 untuk menjalankan latihan pengurusan bagi meninggikan keupayaan pentadbiran Kerajaan. INTAN telah menjalankan latihan di peringkat perkhidmatan persekutuan dan di peringkat negeri. Latihan-latihan yang dijalankan adalah bertujuan untuk meninggikan kemampuan dan keupayaan pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjalankan tugas mereka serta membuka sikap yang positif sesuai dengan keperluan pembangunan negara. Ke arah pencapaian matlamat tersebut INTAN telah melatih lebih kurang 6,000 peserta-peserta pada tiap-tiap tahun yang terdiri dari pegawai-pegawai di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan dan juga Badan-badan Berkanun. Bilangan ini akan bertambah kepada 15,000 peserta setahun mulai dari tahun 1983 dengan siapnya Kampus Utama di Bukit Kiara dan 3 Kampus Wilayah di Sungai Patani, Kluang dan Kemaman.

Untuk memperketatkan kawalan tatatertib, Kerajaan telah meminda Perintah Am Bab 'D' di mana antara lain semua kakitangan Kerajaan tidak lama lagi akan diminta untuk melaporkan segala harta alih dan harta tak alih mereka, isteri dan anak-anak mereka kepada Lembaga Tatatertib berkenaan. Sebelum itu mereka hanya dikehendaki melaporkan harta tak alih sahaja seperti tanah dan rumah.

Soal reaksi pegawai-pegawai Kerajaan dalam melaksanakan dasar untuk mengujudkan sebuah pentadbiran yang licin, cekap dan bersih tidak harus timbul kerana pegawai-pegawai Kerajaan sendiri mempunyai perasaan tanggungjawab dan sentiasa berikhtiar untuk memelihara imej mereka sebagai pegawai perkhidmatan awam yang licin, cekap dan bersih.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa satu daripada cara



untuk meningkatkan prestasi pentadbiran ialah melatih pegawai-pegawai di INTAN dan setiap tahun 6,000 orang pegawai dilatih di situ.

Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan bercadang hendak meningkatkan taraf INTAN itu menjadi sebagai kolej pentadbiran memandangkan pentingnya kita melatih pegawai-pegawai pentadbir kita di masa hadapan.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Setakat ini tidak ada cadangan hendak menjadikan INTAN sebagai kolej pentadbiran Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).*

#### AHLI PARLIMEN/DEWAN UNDANGAN NEGERI MENGISYTIHARKAN HARTA BENDA

**15. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan setiap Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan hartabenda dan pendapatan mereka dan keluarga mereka setiap tahun secara umum; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak bercadang mewajibkan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri supaya mengisytiharkan hartabenda dan pendapatan keluarga mereka, kecuali ahli-ahli yang memegang jawatan sebagai anggota Pentadbiran.

Tujuan mewajibkan ahli yang menjadi anggota Pentadbiran membuat Pengisytiharaan adalah untuk memastikan supaya mereka tidak menyalahgunakan kuasa bagi kepentingan diri sendiri. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan biasa tidak mempunyai apa-apa kuasa.

#### PENGUNDI BARU

**16. Tuan Ismail bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah

jumlah pengundi yang baru didaftar sehingga 27-9-1981 dan berikan jumlah yang didaftar itu menurut negeri-negeri serta bilangan tiap-tiap kaum di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Suruhanjaya Pilihanraya pada masa ini sedang memproses permohonan-permohonan yang diterima dari seluruh negara dari pemilih-pemilih baru dan dari pemilih-pemilih yang memerlukan pertukaran alamat. Tidak dapat ditentukan buat masa ini berapa ramaikah pemilih-pemilih baru didaftarkan kerana proses menyemak permohonan-permohonan, mengikut jadual, hanya akan berakhir pada awal bulan Januari 1982.

#### MENTERI BERCUTI DI LUAR NEGERI—KEISTIMEWAAN

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan elau-elau dan keistimewaan-keistimewaan lain seorang Menteri berhak menikmati apabila ia bercuti di luar negeri; sama ada keistimewaan-keistimewaan tersebut diperluaskan sehingga meliputi keluarga; dan jumlah amaun wang awam yang terlibat dalam menanggung cuti luar negeri semua Menteri-menteri dan keluarga mereka dalam tahun 1980 dan untuk 9 bulan pertama tahun 1981.

**Perdana Menteri:** Sebelum saya memberi butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, izinkan saya menerangkan sedikit 'rationale' tujuan Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan bercuti kepada Menteri-menteri di seberang laut. Cuti di seberang laut adalah untuk membolehkan Menteri-menteri benar-benar berehat baik dari segi tugas-tugas rasmi negara yang dihadapi setiap hari tetapi juga dari segi rohani, oleh kerana sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum pada kebiasaannya Menteri-menteri tidak boleh terlepas dari tugas-tugas tersebut sekiranya mereka bercuti tetapi berada di dalam negeri. Memandangkan kepada pentingnya seseorang Menteri betul-betul berehat, Kerajaan berpendapat adalah wajar kemudahan cuti di luar negeri diberi. Juga seseorang Menteri jarangkali berpeluang bersama-sama dengan keluarga. Oleh itu di masa cuti Menteri diberi peluang pergi bersama dengan keluarga. Kemudahan

bercuti di luar negeri bagi keluarga mereka terhadap kepada tambang pergi dan balik sejauh Malaysia ke London sahaja, iaitu untuk isteri dan 3 orang anak. Kemudahan ini pada perinsipnya tidaklah berbeza dari kemudahan yang diberi kepada pegawai diplomatik kerana tugas mereka kerap kali memisahkan mereka dari anak-anak mereka.

Berbalik kepada butir-butir yang dikehendaki iaitu di samping kemudahan-kemudahan untuk isteri dan anak yang baru saya nyatakan tadi, kemudahan-kemudahan yang layak diterima oleh seseorang Menteri ketika bercuti di luar negeri adalah meliputi tambang perjalanan, tempat penginapan, belanja makan minum, serta elaun hidup harian. Setakat ini jumlah perbelanjaan bagi Menteri-menteri bagi tahun 1980 semasa cuti di luar negeri adalah \$664,794.75 manakala 'amount' perbelanjaan tersebut untuk tahun 1981 sehingga September ialah \$241,048.79.

#### JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 80

3.40 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengemukakan satu perkara privilege oleh kerana kalau saya tidak silap satu perkara privilege harus dibangkitkan dengan peluang yang seawal-awalnya.

Seminggu lalu saya ada tulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan 8 (2).....

**Tuan Yang di-Pertua:** 80 (2)!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, 80 (2). Saya ada rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua di mana saya ada mengatakan bahawa Yang Berhormat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak perlu dibacakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, di mana Pengerusi Jawatankuasa kira-kira ada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak payah sebut, duduk dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bertanya sama ada satu perutusan ada dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu kerja saya, melainkan hendak soal kerja saya; sudah buatlah belum-itu tidak payah. Saya sudah terima surat daripada Yang Berhormat dan saya akan mengambil tindakan dengan secepat-cepatnya.

#### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

##### RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

##### RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG

##### RANG UNDANG-UNDANG WILAYAH PERSEKUTUAN (PERKIRAAN KEWANGAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membenarkan pembayaran dibuat oleh Persekutuan kepada Negeri Selangor mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan dan bagi membuat peruntukan mengenai

perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca untuk kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan Kerajaan Pusat membuat bayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Selangor berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Kuala Lumpur telah ditandatangani di antara Persekutuan Malaysia dengan Negeri Selangor pada 1hb Februari, 1974 mengenai pemisahan sebahagian dari negeri Selangor yang kemudiannya dikenali sebagai Wilayah Persekutuan. Berikutan dengan perjanjian tersebut maka satu jawatankuasa yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Kewangan Perjanjian Kuala Lumpur" yang mengandungi wakil-wakil dari Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor telah dilantik untuk mengkaji perkiraan kewangan berhubung dengan pemindahan-pemindahan harta dan bayaran kehilangan hasil berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.

Beberapa kajian dan perbincangan telah dibuat untuk menentukan jumlah bayaran pampasan yang menasabah yang patut diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor selama lebih dari enam tahun. Akhirnya Jawatankuasa tersebut telah mencapai persetujuan supaya pampasan tersebut dibahagikan kepada dua jenis iaitu pampasan kehilangan hasil dan pampasan ke atas harta.

Di bawah pampasan kehilangan hasil, Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar sebanyak \$18,305,637.66 pada tiap-tiap tahun untuk selama-lamanya (in perpetuity) sebagai pampasan bagi kehilangan hasil yang diantaranya termasuklah Cukai Tanah dan Galian, Cukai Hiburan, Cukai Eksport Bijih, Pemberian mengikut ramai penduduk dan bayaran lesen-lesen yang dikeluarkan di dalam Wilayah Persekutuan. Perkiraan ini berasaskan kepada jumlah kehilangan hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 1hb Januari, 1974 sehingga 31hb Disember, 1974 di dalam Wilayah Persekutuan.

Di bawah pampasan ke atas harta pula, yang termasuk tanah, bangunan dan alat-alat perabut kepunyaan Kerajaan Negeri

Selangor yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan, kedua-dua pihak telah bersetuju menyelesaikannya dengan bayaran sebanyak \$3,550 juta secara beransur-ansur selama 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan Wilayah Persekutuan, Kerajaan Pusat juga bersetuju pada dasarnya membiayai kos pembinaan sebuah kompleks sukan yang boleh digunakan oleh Kerajaan atau Badan-badan Pusat untuk sukan di peringkat nasional dan antarabangsa dan membantu membiayai kos pembinaan sebuah Mesjid Negeri.

Satu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Berhubung Dengan Perkiraan Kewangan Di antara Persekutuan dan Negeri Selangor Mengenai Wilayah Persekutuan telah pun ditandatangani di antara wakil Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 23hb Mei, 1981 sebagai tanda penyelesaian muktamad yang telah dicapai di antara Persekutuan Malaysia dan Negeri Selangor berkenaan dengan Perkiraan Kewangan berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.

Rang Undang-undang Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981 ini dikemukakan untuk menguatkuasakan persetujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ini ialah satu Akta bagi membenarkan pembayaran dibuat oleh Persekutuan kepada Negeri Selangor mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain-lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.48 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) tahun 1981 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi ada menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar \$3,550 juta sebagai pampasan kepada Negeri Selangor berikutan pengambilan Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan yang luasnya 94 batu persegi di bawah satu perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 23hb Mei, 1981.

Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa di bawah perjanjian pampasan ini Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar pampasan sejumlah \$3.5 billion untuk tempoh selama 10 tahun dan yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar kos pembinaan sebuah kompleks sukan yang bertaraf antarabangsa berjumlah \$85 juta dan sebuah Masjid Negeri di Shah Alam berjumlah lebih kurang \$50 juta dan yang ketiga bersetuju membayar setiap tahun dalam tempoh yang tidak tetap kepada Negeri Selangor berjumlah \$18.3 juta sebagai pampasan kerana kehilangan hasil selepas penyerahan Kuala Lumpur dalam tahun 1974. Tadi beliau ada menerangkan bahawa pihak yang berkenaan telah menubuhkan satu jawatankuasa dan telah mengadakan banyak rundingan dan selepas itu dapat mencapai satu perjanjian pampasan. Akan tetapi di sini saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan di Dewan ini iaitu berkenaan dengan bagaimana dan di atas asas apakah angka pampasan itu diperkira. Dan juga bagaimana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor boleh bersetuju membuat satu perkiraan wang seumpama itu.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi satu

gambaran, satu penjelasan yang jelas kepada orang ramai demi kepentingan orang ramai berhubung dengan latarbelakang keseluruhan Perkiraan kewangan itu. Peruntukan sebagaimana yang terkandung di dalam apa yang disifatkan sebagai 'package deal' yang membolehkan Negeri Selangor terus menerus menerima \$18.3 juta setahun sebagai pulangan kerana kehilangan hasil selepas penyerahan Kuala Lumpur pada tahun 1974, menunjukkan pada anggapan saya ketidakadilan kerana tentunya Kerajaan Negeri Selangor berupaya mencari lain-lain punca hasil di dalam negeri itu sendiri. Jumlah \$18.3 juta seharusnya disimpan oleh Wilayah Persekutuan untuk pembinaan lebih banyak rumah kos rendah bagi mereka yang tidak mempunyai rumah, di samping menyediakan keperluan-keperluan sosio-ekonomi untuk rakyat. Lebih-lebih lagi ianya juga dianggap sebagai pampasan berganda atau dalam bahasa Inggeris, *dengan izin*, what I regard to be some kind of a double compensation, memandangkan bahawa di bawah perjanjian pampasan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju membayar \$3.5 billion kepada Kerajaan Negeri Selangor berikutan dengan pengambilan alih Kuala Lumpur.

Tuan Speaker, satu lagi aspek penting yang saya ingin bangkitkan ialah ekoran daripada penyerahan Kuala Lumpur dan pengujudan Wilayah Persekutuan, adakah bermakna bahawa semua tanah yang ada pada satu masa dahulu dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor ataupun dimiliki oleh PKNS untuk dibangunkan, seharusnya secara automatik diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang pada masa sekarang mempunyai hak tunggal untuk membangunkan tanah-tanah itu. Saya membangkitkan soalan ini kerana jelas kepada saya bahawa masih terdapat tanah dalam Bandaraya yang nampaknya masih dimiliki oleh PKNS dan mereka hendak merancang untuk membangunkannya. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sedikit penerangan tentang hal ini.

Akhirnya, Tuan Speaker, pembentukan Wilayah Persekutuan sebagai ekoran daripada penyerahan Kuala Lumpur telah meninggalkan banyak masalah dan cabaran.

Satu masalah yang besar ialah tentang peruntukan kewangan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengendalikan pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan. Untuk tahun 1981 Kementerian Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan sejumlah lebih kurang \$128 juta untuk pembangunan dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian tersebut diperuntukkan sebanyak lebih kurang \$2,489.28 juta untuk tujuan yang sama. Peruntukan-peruntukan sebagaimana yang diluluskan oleh Perbendaharaan untuk pembangunan Wilayah Persekutuan adalah jelas tidak mencukupi untuk pembangunan tersebut berjalan lancar, teratur ataupun komprehensif. Dengan penduduk sebanyak lebih kurang satu juta Wilayah Persekutuan memerlukan lebih banyak perkhidmatan yang baik berkaitan sistem pengangkutan awam yang lebih baik, bekalan air, pembinaan rumah dan penyediaan lebih banyak kemudahan sosial di samping membaiki sistem peparitan untuk mencegah kejadian banjir. Lebih-lebih lagi yang amat penting ialah pembinaan rumah-rumah bagi memenuhi keperluan mereka yang tidak berumah dan juga menempatkan beratus ribu setinggan dalam Wilayah Persekutuan yang memerlukan penempatan semula serta juga mengendalikan mereka yang berhijrah ke bandaraya untuk mencari pekerjaan.

Kemudian kita beralih kepada soal membangunkan satu sistem Pengangkutan Segera atau dalam bahasa Inggeris Mass Rapid Transit System untuk pengguna-pengguna jalanraya di Bandaraya. Saya ingin menggesa Kerajaan untuk mengemukakan lebih awal sistem ini untuk Kuala Lumpur sebagai sebahagian penyelesaian masalah kesesakan lalulintas di dalam Bandaraya. Dan pembangunan MRTS ini untuk Kuala Lumpur sama ada didasarkan kepada underground rail system atau light rail system atau monorail ataupun konsep cable aerobus adalah satu perlaksanaan yang melibatkan banyak membelanjaan. Untuk menyelesaikan masalah ini dan lain-lain masalah sosial untuk satu juta rakyat dalam Wilayah Persekutuan saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengkaji kemungkinan membentuk satu tabung

pembangunan khas untuk Wilayah Persekutuan yang akan digunakan untuk pelaksanaan berbagai projek pembangunan bagi faedah rakyat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa kewangan itu tidak akan menjadi halangan kepada pembangunan Wilayah Persekutuan.

Tuan Speaker, Tabung Kewangan yang mencukupi juga diperlukan untuk memperkenalkan dan melaksanakan strategi pembangunan baru yang berkesan untuk Wilayah Persekutuan. Strategi pembangunan yang baru dan berkesan hendaklah dirangka untuk memastikan pembukaan dan pelaksanaan yang lebih awal dan satu Pelan Induk telah lama dinantikan. Di samping menubuhkan satu Tabung Pembangunan khas untuk Wilayah Persekutuan saya juga suka menggesa Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pembangunan Ibu Negara yang mengambil tugas perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur menurut garis panduan yang sempurna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.01 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan sebentar tadi telahpun mendapat penjelasan mengapa Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya amat tertarik dalam beberapa perkara, di antaranya ialah pampasan-pampasan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai tanda harmoni kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita fikirkan secara lanjut dan kaji dengan teliti tentulah negeri Selangor memerlukan juga sebuah bandar kalau pun tidak sama tetapi hampir-hampir sama dengan Kuala Lumpur patut ada dalam negeri Selangor dan dapat dibina dengan seberapa segera yang boleh. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pampasan-pampasan seterusnya patutlah diberi dari semasa ke semasa dan kalau boleh dikaji dalam satu-

satu perkara pada masa yang akan datang supaya dapat ditambah lagi pampasan ini.

Yang kedua, kita juga atas nama Kerajaan Persekutuan patut memikirkan bahawa negeri Selangor iniuduknya ialah di sekeliling bandar Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan ini dan oleh itu patutlah bantuan diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Selangor lebih daripada apa yang tersedia ini kerana menyesuaikan kawasan-kawasan yang berkenaan itu setimpal dengan keadaan Wilayah Persekutuan yang membangun dengan begitu pesat.

Sekiranya terdapat perbezaan jauh dari masa ke semasa di antara kawasan-kawasan dalam negeri Selangor di pinggir Wilayah Persekutuan ini tentulah kurang manis dilihat pada masa yang berkenaan dan terasalah Kerajaan Negeri Selangor betapa sulitnya Kerajaan itu untuk menyediakan kawasan-kawasan di Negeri Selangor yang berhampiran dengan Wilayah Persekutuan supaya sesuai dengan kemajuan dan perkembangan Wilayah Persekutuan ini.

Selain daripada itu ada banyak perkara dalam Wilayah Persekutuan ini yang pada suatu masa dahulu menjadi kepunyaan negeri Selangor dan benda-benda ini apabila Wilayah Persekutuan telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan, negeri Selangor telah tidak ada benda-benda yang berkenaan itu seperti institusi-institusi pelajaran tinggi misalnya yang ada di Wilayah Persekutuan ataupun institusi-institusi pelajaran menengah yang ada di Wilayah Persekutuan patutlah juga diadakan pula pada masa yang akan datang di dalam negeri Selangor. Walaupun ini memang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi menyediakan dengan segera adalah satu perkara yang amat diperlukan yang tidak termasuk di dalam perjanjian pampasan ini, Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Selain daripada itu pusat-pusat perkembangan ekonomi dalam negeri Selangor patut juga diberi bantuan oleh Kerajaan Persekutuan supaya dapat berkembang dengan begitu baik setimpal

dengan perkembangan pusat-pusat ekonomi dalam Wilayah Persekutuan ini. Walaupun pada masa ini beberapa bahagian di pinggir Wilayah Persekutuan yang ada dalam negeri Selangor telah tersedia dengan pusat-pusat perkembangan ekonomi tetapi ada banyak lagi kawasan-kawasan di sekeliling Wilayah Persekutuan dalam negeri Selangor ini yang patut diberi bantuan dan berbagai-bagai pertolongan kepada Kerajaan Selangor bagi menyoerakan usaha Kerajaan itu menjayakannya sebagaimana yang diperlukan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar dengan jelas bahawa bantuan akan diberi untuk membina Kompleks Sukan dan juga Masjid Negeri, Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja bantuan yang diberi tetapi keseluruhan kos perbelanjaan perkara yang berkenaan itu patutlah diberi kepada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan melaksanakannya dengan seberapa segera yang boleh. Kerana Kerajaan Selangor walaupun sebuah negeri yang maju dan berhampiran dengan Wilayah Persekutuan tetapi masih banyak kawasan-kawasannya yang menjadi kawasan yang boleh diiktiraf, yang memang diiktiraf kawasan luar bandar yang memerlukan berbagai-bagai peruntukan, berbagai-bagai perbelanjaan untuk membangunkannya kawasan luar bandar yang berkenaan itu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan patutlah mengkaji semula bagaimana baiknya Kerajaan Negeri Selangor, dengan bermurah hatinya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju menyerahkan Wilayah Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan sebagai abang atau sebagai bapa kepada Kerajaan Negeri Selangor patutlah memberikan timbang rasa lebih baik daripada itu untuk menjayakan usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa bergerak bagi memajukan negeri itu mengimbangi kejayaan-kejayaan Wilayah Persekutuan khususnya dan sesuaikan keadaan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang betul-betul berhampiran dengan Wilayah Persekutuan, yang betul-betul berada di hadapan mata dunia, di hadapan mata pemimpin-pemimpin negara dunia manakala datang ke Malaysia ini maka negeri

Selangorlah tempat yang pertama mereka hinggap, barulah datang ke Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah sempadan. Pada masa ini masih ramai lagi rakyat tidak dapat memahami dengan jelas sempadan negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan kecuali pentadbir dan pemerintah sahaja yang dapat mempastikan dengan jelas. Tetapi rakyat biasa tidak begitu faham lagi sempadan Wilayah Persekutuan dengan Negeri Selangor ini. Oleh itu banyak bahagian-bahagian, banyak jalan-jalan yang masuk daripada negeri Selangor ke Wilayah Persekutuan, jalan-jalan kecil misalnya yang belum lagi mempunyai tanda yang jelas bahawa ini ialah sempadan negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan.

Selain daripada jalan-jalan, di kampung-kampung juga di pinggir Wilayah Persekutuan kurang terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa satu tanda bahawa negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan itu ada terbukti di tempat yang berkenaan itu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, patut benarlah tanggungjawab membina sempadan negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun tidak kesemuanya tetapi sebahagian besar perbelanjaan bagi menyediakan sempadan atau batu sempadan di antara negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun setakat ini kita maklum Kerajaan Negeri Selangor belum memohon apa-apa bantuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan sempadan-sempadan ini. Tetapi Kerajaan Persekutuan patut benar membuat tawaran kepada Kerajaan Negeri Selangor agar diberi bantuan dengan secukupnya bagi menyediakan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini satu perkara kecil sahaja pada masa ini, tetapi pada suatu masa yang akan datang, benda ini akan menjadi sejarah yang patut diketahui oleh anak cucu kita dan generasi pada masa yang akan datang.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan perusahaan di Lembah

Kelang masih lagi memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan khususnya berhubung dengan penyerahan Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan ini. Pendek kata kalau hendak dibincangkan dengan panjang lebar berhubung dengan pampasan dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor yang berhubung dengan penyerahan Wilayah Persekutuan ini adalah memakan masa yang amat panjang tetapi oleh sebab negeri Selangor hampir benar dengan Wilayah Persekutuan dan pusat pentadbiran negara maka tentulah pihak Kerajaan Persekutuan dapat memandang dengan pantas, dengan jelas dan mengambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh supaya semua pihak berpuas hati dan semua rakyat berbangga khususnya rakyat negeri Selangor berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Baling.

4.10 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi mengenai kadar pampasan yang akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Selangor kerana menyerahkan Wilayah Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan. Pertamanya, asas-asas dalam menentukan kadar yang saya kira begitu lumayan yang telah diberikan kepada Kerajaan Selangor hendaklah dijelaskan untuk pengetahuan orang ramai, kerana wang yang sebegitu banyak dan kadar yang begitu lumayan adalah hasil daripada wang rakyat yang diamankan kepada Kerajaan yang sepatutnya dibelanjakan secara yang adil kepada seluruh rakyat Malaysia.

Saya katakan bahawa kadar yang telah ditentukan itu adalah satu kadar yang lumayan terutamanya apabila kita bandingkan dengan penyerahan-penyerahan yang berlaku dalam sejarah tanahair kita, misalnya penyerahan Singapura hanya dengan percuma sahaja maka penyerahan Wilayah Persekutuan ini kepada Kerajaan

Persekutuan tidaklah boleh diukur ataupun tidak boleh diasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan sentimental kerana akibat daripada penyerahan Wilayah Persekutuan adalah untuk kepentingan nasional yang harus diberi penilaian yang utama bukan penilaian-penilaian berasaskan kepada kepentingan-kepentingan benda sahaja.

Oleh yang demikian, sudah tentulah tuntutan-tuntutan yang melampau dan ganjaran-ganjaran serta pampasan yang lumayan yang akan diberikan kepada Kerajaan Selangor itu melibatkan soal-soal keadilan di dalam perbelanjaan wang negara pada umumnya. Kepentingan nasional yang berada di sebalik penyerahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan itu mestilah dihargai oleh Kerajaan Selangor dan mestilah dinilai dengan sewajarnya sehingga tidaklah ia mengemukakan tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah. Dan jika sekiranya sepertimana yang dibangkitkan oleh wakil dari Tanjong Karang tadi bahawa Kerajaan Malaysia perlu pula menggantikan universiti-universiti yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini semata-mata kerana pada masa dahulu ada universiti-universiti tersebut di dalam negeri Selangor maka saya kira tuntutan-tuntutan yang seperti ini adalah berasaskan kepada emosi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan ialah pampasan-pampasan yang besar dan lumayan ini akan menyebabkan negeri Selangor berada di dalam keadaan yang tidak seimbang dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia dari segi kekayaan dan perbelanjaannya iaitu dari kemewahannya dari jarak yang besar ini sudah tentu mendorong Kerajaan Selangor mengeluarkan perbelanjaan secara mewah kerana tanda-tanda perbelanjaan seperti itu kelihatan nyata kepada kita dan perbelanjaan seperti itu lebih mementingkan soal simbol-simbol sepertimana yang dapat kita ketahui perbelanjaan kerana membuat pintu gerbang yang berjumlah \$4.4 juta. Perbelanjaan-perbelanjaan yang seperti ini sudah tentulah akan menjejaskan usaha-usaha untuk mendekatkan perimbangan dan pendapatan di antara penduduk-penduduk di luar bandar dengan di bandar-bandar.

Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan mestilah menentukan dasar-dasar dan menentukan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan itu akan digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke arah yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita iaitu masalah kemiskinan dan masalah ketiadaan seimbang pendapatan rakyat negara ini. Ini adalah penting kerana dengan demikian dapat menjamin bahawa wang yang telah dikeluarkan, ganjaran yang lumayan yang telah diberikan itu dibelanjakan untuk perkara-perkara yang tidak membazir dan perkara-perkara yang boleh memberi keuntungan kepada majoriti rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlulah menjelaskan kepada Dewan ini dan kepada orang ramai tentang kesan-kesan kepada kewangan dan kesan-kesan kepada perancangan yang melibatkan \$3.5 billion dan juga \$18 juta yang akan diberikan kepada Kerajaan Selangor selama-lamanya dan ini sudah tentulah akan menjejaskan pula bantuan-bantuan kepada negeri-negeri yang miskin yang menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meningkatkan keadaan di negeri-negeri tersebut supaya seimbang dengan negeri-negeri yang telah maju di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan juga hendaklah menjamin bahawa ganjaran-ganjaran dan pampasan-pampasan yang lumayan ini hendaklah dibelanjakan untuk memperbaiki kehidupan rakyat di dalam negeri Selangor ini di kawasan-kawasan yang masih lagi mundur seperti di Sabak Bernam dan juga di Tanjong Karang misalnya di mana daerah-daerah seperti ini jauh ketinggalan daripada kawasan-kawasan misalnya di Lembah Kelang. Dan Kerajaan juga mestilah menentukan bahawa wang yang demikian banyak tidak disalahgunakan oleh Kerajaan Selangor.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang banyak ini mestilah dikaji semula dan asas-asas yang lebih kokoh mestilah dikemukakan sepertimana yang saya katakan tadi bahawa asas-asas itu tidak seharusnya diberi keutamaan kepada soal-soal yang



sentimental tetapi hendaklah diukur dari segi kepentingan nasional memandangkan bahawa penyerahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan itu adalah untuk kepentingan nasional.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Damansara.

4.20 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap satu dua perkara atas Rang Undang-undang ini.

Yang Pertama, sentimen dan emosi mesti ada juga, sebab saya anak Selangor macam manapun sekarang dalam Wilayah Persekutuan. Saya menerima konsep yang mustahak iaitu negara (national), macam manapun sekarang Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak jauh-dekat. PKNS (Selangor) dahulu ada membina rumah dalam Wilayah Persekutuan. Satu contoh Kampung Kerinchi, rumah ini sekarang dalam kawasan Wilayah Persekutuan tetapi PKNS, Negeri Selangor mengambil kutipan sewa dan lain-lain. Satu perkara sudah jadi soal tidak lama dahulu Kerajaan pusat atau Wilayah persekutuan, Bandaraya kata sampah-sampah ini dia tidak boleh bertanggungjawab, dia tidak boleh ambil sampah dalam kawasan rumah-rumah PKNS, dia kata ini kuasa Kerajaan Negeri Selangor tetapi Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh masuk dalam kawasan ini, Sebab ini Wilayah Persekutuan. Soal ini sudah jadi besar. Sampah yang itu sudah jadi soal besar, Pejabat kesihatan campurtangan, atas perkara itu Dewan Bandaraya menerima dan menjaga kesihatan rumah-rumah PKNS tetapi belum lagi selesai atas perkara ini. Bila Wilayah Persekutuan sudah jadi satu bahagian atau daerah lain, perkara macam ini mahulah diselesaikan. Perkara Kesihatan rumah PKNS dalam Wilayah Persekutuan sekarang mestidicari jalan diselesaikan. Kuasa siapa yang menjaga kesihatan rumah-rumah ini.

Kedua, tadi saudara saya dari Kuala Lumpur Bandar ada berkata perkara kenderaan dalam Kuala Lumpur, di luar Wilayah Persekutuan. Saya fikir kalau Sungai Kelang atau Sungai Gombak daripada bawah

kita boleh buat satu kenderaan macam monorail daripada Kuala Lumpur sampai Shah Alam dan Kelang yang mana rakyat boleh sampai. Sekarang jalan biasa kita nampak beribu-ribu kereta ataupun orang hendak sampai ke Kuala Lumpur atau pergi ke Pelabuhan Kelang kadang-kadang trafik lebih, barangkali boleh jadi dua jam. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Selangor hendaklah adakan satu koordinasi boleh bertukar fikiran macam mana boleh selesaikan masalah kenderaan.

Ketiga, saya nampak sekarang kilang-kilang banyak dalam Selangor, sebab Petaling Jaya sekarang sudah jadi kawasan dalam Negeri Selangor. Bukan sahaja Shah Alam dan Petaling Jaya, Negeri Selangor hendaklah cari jalan bawa kilang ke lain-lain daerah seperti Rawang, Kajang atau lain-lain tempat. Rancangan ini bukan sahaja kuasa Kerajaan Negeri Selangor tetapi juga kuasa Kerajaan Pusat. Bila Kerajaan beri lesen atau beri kuasa modal luar negeri, dia mahu buat koordinasi—tolak di lain-lain kawasan bukan sahaja dalam Kuala Lumpur atau Negeri Selangor, sebab rakyat di Kuala Lumpur 10 tahun dahulu ada seramai satu juta, tiap-tiap tahun 3% rakyat bertambah, sekarang 7%, macam ini tidak lama lagi boleh sampai setengah juta rakyat di Kuala Lumpur, lama-lama dua juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Kerajaan Pusat hendaklah selesaikan bantuan kepada Negeri Selangor, tetapi koordinasi ini mustahak. Rancangan rumah murah Kerajaan Wilayah Persekutuan tidak cukup tanah membina rumah. Rakyat yang duduk di Wilayah Persekutuan mesti cari rumah di luar Kuala Lumpur, dengan keadaan itu mestilah ada satu koordinasi dengan Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat di mana kedua-dua pihak boleh cari jalan boleh bina rumah di kawasan-kawasan luar Wilayah Persekutuan, sebab banyak lombong-lombong yang tidak dipakai dalam Selangor. Lombong-lombong ini sudah ditutup dan tidak ada bijih lagi maka boleh digunakan untuk membina rumah murah. Rancangan ini mustahak, sebab Rancangan Malaysia Keempat ada menjamin 30,000 buah unit di Wilayah Persekutuan. Saya fikir itu tidak mencukupi, sekurang-kurangnya dalam 4-5 tahun ini mesti ada dekat 200,000

rumah. Kalau macam ini kita tidak boleh dapat tanah dalam Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan, Kerajaan mesti cari tanah di luar Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan di mana mesti ada satu perjanjian dalam Negeri Selangor membina rumah murah bagi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Wilayah Persekutuan ada tempat kecil dalam tiap-tiap kawasan untuk membina 20 tingkat, 60-70 tingkat. Kadang-kadang ketua kita dalam Dewan Bandaraya atau Wilayah Persekutuan bila beri permit membina rumah ini.....

**Tuan (Timbalan Yang di-Pertua):** Yang Berhormat, duduk sebentar! Saya sudah ikuti ucapan Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan pembangunan dan juga perumahan-macam-macam dalam Wilayah, tetapi tajuk Rang Undang-undang ini ialah berkenaan pembayaran atau kebenaran membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Pusat. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada itu.

**Tuan V. David:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada kata bangunan-bangunan ini tidak ada car park atau orang mahu lalupun tidak ada tempat, jalannya sempit. Jadi janganlah kita selalu ingat mahu membina rumah dalam Kuala Lumpur juga tetapi hendaklah dibuat di luar daripada Kuala Lumpur. Bila Kerajaan Pusat mahu membantu Kerajaan Selangor mengenai kewangan ini, kalau Kerajaan Selangor boleh berjanji membina rumah bagi orang-orang miskin, itu satu priority yang mustahak, sebab sekarang bantuan kewangan daripada Pusat pun tidak boleh sampai bagi digunakan untuk rakyat. Saya bukan kata Negeri Selangor tidak boleh jalankan dengan bebas tetapi bila Kerajaan Pusat memberi bantuan kewangan ini, tentulah wang ini boleh dipakai di mana rakyat miskin boleh dapat gunakan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru.

4.27 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-

undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) yang sedang dibincangkan.

Di Wilayah Persekutuan sekarang ini memang terdapat banyak simbol, simbol kenegaraan kita, iaitu seperti Tugu Peringatan, Masjid Negara, Stadium Negara dan sebagainya. Ini semua adalah merupakan simbol-simbol penyatupaduan rakyat, simbol bahawasanya kita semua, sama ada dari Kedah, dari Perlis, dari Sabah atau Sarawak semuanya merupai rakyat rumpun Malaysia. Tetapi dalam banyak simbol-simbol ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa simbol yang terbesar sekali dan terpenting sekali adalah dinamakan Wilayah Persekutuan, iaitu satu simbol yang akan menjamin kekekalan kita sebagai satu bangsa untuk seribu tahun lagi.

Dahulu kita semua menumpang; orang Kedah kalau datang ke Kuala Lumpur, hendak bermastautin di sini selepas pencon sebagai Pegawai Kerajaan, misalnya, kita rasa sebagai menumpang. Kalau kita mempunyai Jabatan-jabatan Kerajaan di Kuala Lumpur kita rasa sebagai menumpang, semua negeri-negeri di Malaysia ini menumpang di Kuala Lumpur sedangkan Kuala Lumpur adalah Ibu Negara kita sendiri. Saya rasa dalam sistem Kerajaan Federal yang kita amalkan suatu pusat yang dipunyai oleh semua tersangatlah perlu dan sekarang ini dengan penyerahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, dan rakyat Negeri Selangor, penyerahan mereka suatu real property 90 batu persegi yang ternilai sekali, yang termahal sekali dalam Malaysia ini kepada seluruh rakyat Malaysia merupakan satu sumbangan yang kita tidak boleh nilaikam dengan mata wang ringgit.

Sekarang tidak siapa lagi boleh menyatakan yang kita menumpang di Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan adalah kepunyaan semua. Kalau kita bercakap mengenai integrasi nasional, integrasi bukan sahaja negeri-negeri di Semenanjung Malaysia lebih-lebih lagi intergrasi nasional di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, maka saya rasa dengan adanya Wilayah Persekutuan proses penyatupaduan rakyat dan semangat rakyat ini akan lebih dapat dimajukan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dalam memperhitungkan sumbangan Negeri

Selangor kepada kita semua rakyat Malaysia, kita haruslah memikirkan bahawa apa yang Negeri Selangor memberi kepada rakyat Malaysia bukanlah Sabak Bernam, bukanlah Ulu Selangor tetapi adalah merupakan ibunegeri mereka sendiri iaitu sekeping real property yang terlalu tinggi nilainya malah sekarang ini kita boleh terdapat di setengah-setengah tempat di Kuala Lumpur ini sekaki persegi tanah berharga lebihkurang \$300 atau \$400. Saya rasa tidaklah keterlaluan saya menyatakan mungkin dalam masa lima atau sepuluh tahun lagi kita akan terdapat tanah-tanah di Kuala Lumpur Bandar ataupun di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan ini akan melambung naik sehingga \$1,000 sekaki persegi ataupun \$3,000 ataupun \$4,000 sekaki persegi seperti yang terdapat di Singapura ataupun di Hongkong sekarang ini. Oleh itu, saya rasakan jika kita tinjau dari segi orang-orang Selangor saya rasa penyerahan Wilayah Persekutuan kepada kita semua rakyat Malaysia adalah merupakan, saya ibaratkan, sebagai meragut jantung sendiri, mengorbankan jantung sendiri untuk kepentingan negara pada keseluruhannya, untuk kepentingan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Itulah dia jika kita hendak nilaikan sumbangan dan pengorbanan Negeri Selangor kepada Malaysia. Saya rasa sumbangan ini, persetujuan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor, sumbangan Yang Berhormat Dato' Haji Harun Idris yang menjadi Menteri Besar Selangor pada masa itu yang telah banyak memudahkan penyerahan ini, sumbangan rakyat Negeri Selangor haruslah dicatitkan dalam tinta emas dalam sejarah Malaysia kerana inilah sumbangan yang sebesar-besarnya untuk kekekalan kita sebagai satu bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menilaikan tentang apakah pampasan-pampasan yang seharusnya kita memberi kepada Negeri Selangor, kita bukan sahaja harus melihat dari segi apakah keuntungannya kepada kita rakyat Malaysia tetapi juga kerugiannya kepada rakyat Selangor. Sungguhpun kita kata rakyat Selangor haruslah berkorban sedikit sebanyak untuk kepentingan negara, untuk kepentingan nasional dan sebagainya tetapi kita harus sedar juga bagi rakyat biasa di tiap-tiap negeri semangat dan perasaan

kenegerian masih tebal lagi. Kalau kita pergi ke Negeri Kedah atau ke Kelantan ataupun ke Sabah ataupun ke Sarawak bukanlah mudah hendak memujuk sekeping tanah mereka itu diberi kepada orang lain, bukanlah mudah malah kalaupun ada rakyat negeri asing meminta tanah dari dalam negeri mana-mana maka sudah tentu ini akan menimbulkan perasaan yang kurang senang di kalangan rakyat di negeri itu, inikan pula jika kita tinjau dari sudut bahawa yang diserahkan adalah ibunegeri sendiri dan apabila ibunegerinya sudahpun diserahkan maka sudah tentulah kita rakyat Malaysia pula bertanggungjawab untuk memulihkan semangat mereka.

Mereka terpaksa membina sebuah ibunegeri sendiri, ini bukanlah satu perkara mudah, membina sebuah ibunegeri bukanlah terdiri dengan bangunan-bangunan sahaja tetapi juga dari segi dan dari sudut semangat dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya rasa perkara-perkara seperti masjid negeri ataupun satu kompleks sukan ataupun pintu gerbang misalnya yang telah banyak dipercakap-cakapkan, saya rasa adalah perkara-perkara kecil jika ditinjau dari sudut untuk mengembalikan semangat kepada rakyat Negeri Selangor di atas kehilangan ibunegeri mereka itu.

Kita tidaklah boleh, jika ditinjau dari semangat sesuatu bangsa, sesuatu kumpulan yang besar seperti rakyat Negeri Selangor misalnya, kita tidaklah boleh tinjau dari segi perut sahaja tetapi kita ingin juga bahawasanya sesuatu bangsa, sesuatu kumpulan yang besar, hidup sihat dan boleh hidup subur juga dengan apa yang diberi kepada pemikiran mereka dan juga kepada jantung mereka. Oleh sebab itu, saya rasa kita selalu mendengar bahawasanya di samping soal-soal material ada juga apa yang dikatakan sebagai the national ego dan dalam hubungan ini, saya rasa the state ego. Selangor kehilangan ibunegerinya maka terpaksa mereka mendirikan satu ibunegeri yang baru dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Dalam hubungan ini terpaksa mereka membina berbagai-bagai simbol supaya semangat mereka sebagai sebuah negeri dalam sistem federal kita ini dapat dikembalikan, dapat dipulihkan dalam masa yang sesingkat-

singkatnya. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pampasan yang sedang pun diminta oleh Kerajaan Federal untuk dibayar kepada Kerajaan Selangor saya rasa adalah suatu angka, suatu kadar yang berpatutan.

Saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.37 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, Saya turut menyokong Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi yang mana kebanyakan telah disokong oleh saudara-saudara saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum ada di antara negara-negara dalam dunia hari ini sedang bergelora dan berperang satu dengan lain. Ini tidak lain, tidak bukan matlamatnya hendak merampaskan kuasa kerana daripada kuasalah mendapatkan harta dan sebagainya. Itulah sebabnya sebagaimana kita dengar kebanyakan negara berperang dengan satu negara salah satu sebabnya hendak mendapatkan satu-satu tempat. Kata satu negara, ini hak negara aku atau negara kami kemudian satu negara pula mengatakan ini adalah hak kami. Maka dengan sebab itu kebanyakan negara yang saya tidak payah sebut negara-negara mana sebagaimana kita tahu hari ini bersengketa satu dengan lain ialah disebabkan untuk mendapatkan satu-satu perkara misalnya tanah dan sebagainya. Jadi, bila kita tengok di segi ini sebagaimana saya katakan tadi ada di antara negara-negara baikpun di masa lampau juga sekarang bersengketa sebab merebut kuasa untuk mendapatkan hak. Maka sebagaimana dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi baikpun Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru dan juga dari Sabak Bernam ini telah menjadi kenyataan kepada kita atas sifat peri kemanusiaan, memikir adalah bersama untuk negara kita Malaysia sebagaimana kata rakan saya tadi amatlah pelik kalau satu badan tidak berkepala, baikpun benda ataupun

barang jarang perkara yang tidak ada kepala. Jadi amatlah pelik bagi Malaysia kalau ada persekutuan di mana kepalanya dan kalau kepalanya tidak mempunyai kuasa bukan haknya dan dia tidak boleh menguasai sendiri, itu adalah satu perkara yang amat pelik. Dengan sebab itu, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada Negeri Selangor walaupun kita sama-sama memerhati dan hari di mana penyerahan kawasan Wilayah yang menjadi hak Selangor yang kita sama-sama tuntuni dalam TV pihak-pihak yang berkenaan dia memikir patut diberi tetapi hati sedihnya tidak dapat dinafikan.

Saya masih ingat lagi pihak-pihak yang berkenaan dengan Negeri Selangor yang haknya Wilayah ini telah menitiskan air mata di kala hendak menandatangani Wilayah ini akan diserahkan kepada Persekutuan. Perkara ini adalah menjadi satu sejarah yang tidak patut dilupakan. Jadi, sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara saya tadi sebagai manusia yang berbudi patut sangatlah kalau satu-satu pengorbanan yang telah diberikan satu-satu orang kepada kita maka hendaklah pengorbanan itu dibalas setimpal atau sebaik-baiknya lebih baik lagi, Ini kalau tidak silap saya dalam segi peri kemanusiaan diajak kita demikian, apatah lagi di segi keugamaan kita dikehendaki membalas budi, membalas jasa dan sebagainya. Maka dengan sebab itu apa yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memberi pampasan kepada Kerajaan Selangor, saya berpendapat amatlah wajar dan amatlah patut, kerana sebagaimana saya katakan tadi, saya bersetuju apa yang dikatakan oleh sahabat saya Ahli dari Kulim-Bandar Bahru. Walaupun negeri kita luas, walaupun tak seluas sebagaimana negeri-negeri lain, tetapi keadaan tempatnya tak sama.

Misalnya tanah di luar bandar yang jauh untuk didatangi kerana tidak ada jalanraya baik laut atau sungai, saya percaya tanah itu walaupun berharga mengikut keadaan sekarang tetapi harganya amat jauh berbanding dengan tempat-tempat dalam bandar dan di antara satu bandar dengan satu bandar, tetapi sebagaimana kata Ahli dari Kulim-Bandar Bahru tadi amatlah berbeza harganya. Misalnya tanah di dalam pekan

Kangar, ia tetap mahal daripada luar bandar di Perlis tetapi kalau hendak dibanding dengan tanah dalam bandar Kangar dengan tanah yang ada dalam Kuala Lumpur sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu tadi, saya mengakui amat jauh pula perbezaan harganya, kerana di sini telah menjadi pusat Perdagangan, pusat pentadbiran dan sebagainya yang telah dipilih sebagai tempat Peristiharan hari kemerdekaan, ibu Negeri Selangor telah menjadi ibu negeri kepada Persekutuan dan di tempat inilah juga tempat sejarah yang mana kita isytiharkan kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957.

Jadi kita telah memikirkan di seluruh Malaysia yang diagak tempat yang bersesuaian patut dijadikan ibu negeri, tak lain dan tak bukan ialah ibu Negeri Selangor, dibuat pejabat, dijadikan tempat perisytiharan sebagaimana kata Ahli dari Kulim-Bandar Bahru tadi, jadi semua peristiwa berlaku di Kuala Lumpur. Sebab itulah Kuala Lumpur menjadi satu tempat yang bersejarah, oleh kerana kita ambil tempat bersejarah, biarlah kita kaji tempat ini dahulu.

Bagi seseorang yang hendak menjadi ahli perniagaan, kalau dia hendak buka kedai, dia cari tempat orang banyak datang membeli; kalau hendak buat jalan, difikir tempat yang boleh jadi ramai orang pergi ke situ, sebab itulah saya yakin Kerajaan kita telah memilih Kuala Lumpur kerana ini satu tempat yang boleh dikatakan sudah membangun, satu tempat menjadi pusat, satu tempat di tengah di antara negeri-negeri yang ada di Malaysia, jadi Kuala Lumpur menjadi tempat yang amat berharga. Kalaulah kita di seluruh Malaysia memikirkan satu tempat yang amat berharga, apatah lagi bagi Negeri Selangor sendiri sebagaimana saya katakan tadi iaitu pihak yang berkuasa walaupun benar Wilayah membenarkan sebahagian daripada Selangor iaitu Kuala Lumpur dinamakan Wilayah bagi Persekutuan tetapi titisan airmata tadi tak dapat hendak dielakkan, dengan sebab sejarah sebagaimana saya kata tadi. Maka dengan sebab itu apa yang kita putuskan pada hari ini, saya harap dan saya berpendapat sangatlah wajar, patutlah kita beri sebagaimana kita janjikan dalam perjanjian

yang dibentuk oleh jawatankuasa yang berkenaan.

Dan saya berpendapat kalau boleh untuk menjadi sejarah kenangan kepada orang yang telah berbudi khasnya Negeri Selangor sebagaimana yang telah dikatakan oleh saudara saya tadi, biarlah kenangan itu yang saya percaya satu ketika, mungkin 50 tahun akan datang menjadi kenangan, kerana sejarah boleh jadi seperti sejarah Nabi Muhammad s.a.w. hingga 1401 Hijrah diingatkan sampai hari ini begitu juga sejarah Masehi Nabi Isa dan sebagainya masih diingatkan.

Saya fikir sejarah pengambilan tempat ibu Wilayah Persekutuan ini tentulah dapat diingatkan oleh anak-anak Negeri Selangor khasnya apatah lagi di masa 50 tahun akan datang kalau peristiwa 100 tahun lalu sejarahnya kita masih ingat, inikan pula untuk 50 tahun akan datang, tentulah sejarah ini tak dapat dilupakan. Dengan sebab itu, saya berpendapat bersesuaian dengan sejarah dan bersesuaian dengan pembangunan, patutlah selain daripada apa yang dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa tadi akan memberikan keistimewaan sebagai kenang-kenangan kepada Selangor, selain daripada masjid dan kompleks sukan patutlah dibanyakkan lagi kalau boleh biarlah diadakan projek itu di tiap-tiap jajahan, kalaulah tak besar seperti yang ada di Shah Alam baikpun masjid begitu juga kompleks sukan, patut juga diadakan dengan wang yang akan diberikan itu supaya menjadi satu ingatan.

Yang pertama ini sebagai satu sejarah kepada anak Negeri Selangor yang mengatakan wang ini adalah daripada wang suguhati atau pampasan yang mana Kuala Lumpur dipersetujui bersama menjadi ibu negeri Malaysia dengan kerana itu sebagai mengenang budi kepada rakyat Negeri Selangor, patutlah di tiap-tiap jajahan diadakan perkara-perkara sejarah sebagaimana saya katakan tadi dari segi kerohanian, adakah tiap-tiap satu kawasan, satu jajahan, satu masjid di ibu jajahan tiap-tiap tempat dan begitu juga kalau boleh diadakan kompleks sukan yang agak berpatutan dengan keperluan tempat itu, oleh kerana wang ini kita akan beri sebanyak

\$3,550 juta, begitu juga wang sebanyak \$18 juta Kerajaan akan beri dalam masa yang telah ditetapkan.

Saya berharap kalau boleh wang itu biarlah kalau sudah kita beri kepada Selangor, terpulanglah kepada Negeri Selangor, tetapi pada pendapat saya kita adakan satu-satu perkara yang menjadi kebaikan atas dua segi. Satu dari segi kebaikan kepada rakyat, dan yang kedua dari segi menjadi sejarah pada masa yang akan datang, iaitu seperti dewan dan masjid begitu juga sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam tadi mengadakan pusat pengajian, kolej dan sebagainya yang agak berpatutan. Saya juga bersetuju sebagaimana dikatakan tadi oleh sebab Wilayah telah menjadi hak Persekutuan di mana ketua-ketua negara asing akan melawat Malaysia, tentulah di Wilayah ini tempat pemerhatian, tempat bermesyuarat dan sebelum datang ke sini, kita tak nafikan bahawa Selangorlah tempat laluan kerana Lapanganterbang Subang masih dalam Negeri Selangor.

Jadi saya berpendapat sebagaimana lebuh raya ataupun jalan raya walaupun sempadan Selangor hari ini masih tidak disiapkan dan setahu saya mengikut kehendak Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya menyiapkan pintu gerbang iaitu menandakan sempadan Wilayah Persekutuan dengan Selangor dengan secepat-cepat yang boleh untuk mengadakan Persidangan Raja-raja iaitu pada 14hb Oktober ini, tetapi saya berharap persiapan macam ini bukanlah untuk sekali ini sahaja ataupun jalan raya itu tidak terhad, tetapi biarlah diadakan beberapa jalan raya lagi yang agak lebih melapangkan bagi menyambut pembesar negara luar yang akan datang ke negara kita, begitu juga kalau kita sendiri hendak datang ke sini, kerana saya dapati walaupun sekali sekala saya melalui lebuh raya daripada Lapanganterbang Subang ke bandar Kuala Lumpur atau Wilayah ini, kadangkala memakan masa sampai lebih setengah jam. Usaha ini ada dua faedah. Faedah pertama sebagai sumbangan daripada wang pampasan tadi; yang kedua menjadi kebaikan kepada dua segi baik Wilayah dan Selangor dan menjadi satu sejarah kalau dibuatkan sebagaimana saya katakan tadi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru tadi, saya sokong dengan sepenuhnya, walaupun ada di antara kawan-kawan saya yang menentang, tentang perasaan hak itu memang bagi manusia hak adalah dituntut. Tiap-tiap pesaka kita adalah berhak kita tuntutan dan kita tak menafikan dalam negara kita Malaysia kalau tak silap saya kita tak boleh hendak samakan dengan Singapura, kita tak boleh hendak samakan dengan Pulau Pinang dengan Selangor, Perlis dan Kedah dan sebagainya, kerana mengikut Pulau Pinang, Melaka dan Singapura kedudukannya berlainan, tetapi bagi Perlis, Kedah, Selangor, Perak dan sebagainya kedudukan cara negerinya, Rajanya adalah berlainan dan kuasa mutlak yang ada pada raja itu sebagai ketua negeri masing-masing baik segi ugama, segi tanah, adalah hak penuh kepada mereka. Jadi mereka sanggup memberikan kuasa dan segala-galanya kepada Wilayah. Ini adalah satu perkara yang kalau hendak dinilai adalah satu pengorbanan yang amat besar walaupun mereka dapat wang itu balik tetapi hak pesaka mereka, mereka tak dapat tuntutan balik.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah dan telah menjadi prinsip manusia, hak tidak ada nilai ganti, hak adalah satu pesaka yang tak boleh dijual beli tetapi Kerajaan Negeri Selangor sanggup untuk menjadikan kepala seluruh Malaysia, termasuk Negeri Selangor sendiri walaupun sebagaimana saya katakan tadi menitiskan air mata, tetapi untuk kebaikan negara, mereka sanggup berkorban. Jadi patutlah pengorbanan yang baik itu dibalas dengan pengorbanan, barulah sewajar mengikut kehendak kita sebagai manusia yang berperibadi tinggi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan wang pampasan yang pada pendapat saya patut dan pendapat Kerajaan pun memang patut biarlah wang pampasan itu menjadi kebaikan kepada rakyat Negeri Selangor di segi pembangunan dan dikaji di segi sejarah.

Saya menyeru dalam Dewan yang mulia ini kepada pihak yang akan menerima wang

pampasan daripada Kerajaan Persekutuan hendaklah dijadikan wang pampasan itu menjadi kebaikan kepada negara, kebaikan kepada masyarakat dan tidak ketinggalan membawa kebaikan kepada ugama seperti mendirikan masjid dan sebagainya. Saya berharap juga kepada Kerajaan Persekutuan yang mana kita telah ambil Wilayah menjadi kepala negara, jadikanlah Wilayah ini satu kepala negara yang bersesuaian betul-betul, sewajarnya sebagai kepala negara di segi keselamatan, di segi pentadbiran dan segala-galanya.

Itulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya apa yang kita telah janjikan tadi menjadi kebaikan kepada kedua-dua pihak baik Selangor, begitu juga kepada Wilayah sendiri.

**Tuan (Timbalan) Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

4.52 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini sepatutnya diluluskan di Dewan ini tanpa sebarang bantahan ataupun sebarang protes yang dibuat oleh sesiapa, kerana pemberian Kuala Lumpur oleh Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan adalah satu pengorbanan dan nilai yang amat besar dan berharga sekali walaupun ianya juga adalah merupakan sebagai satu kesedaran nasional yang besar ke atas apa yang dilakukan itu. Seajar dengan pemberian dan penerimaan Wilayah ini sewajarnya Kerajaan Persekutuan memberi pembayaran yang wajar di atas nilai-nilai hasil dan kehilangan hasil yang ditanggung oleh Kerajaan Selangor sendiri daripada penyerahan wilayahnya ini kerana kehilangan wilayah ini tidak dapat diganti-ganti lagi.

Walaupun daripada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris, diganti dengan Yang Amat Berhormat Datuk Hormat bin Rafie dan mungkin selepas ini sesiapa pula yang akan menjadi Menteri Besar Selangor ini, tetapi wilayah yang diserahkan oleh Kerajaan Selangor kepada Persekutuan itu tidak akan dapat dicari ganti,

mungkin sehingga kiamat kelak. Jadi dengan ini berertilah Selangor benar-benar kehilangan satu kawasan haknya yang mempunyai punca hasil dan pendapatan selain daripada ianya kehilangan sebuah pusat bandar yang telahpun dibina sejak beratus-ratus tahun dahulu.

Apabila Wilayah Persekutuan ini diserahkan oleh Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan, Selangor juga perlu membangun semula sebuah ibu negerinya yang tersendiri, bagi menggantikan wilayah yang diserahkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Untuk membangunkan semula sebuah ibu negeri dengan zaman dan masa yang ada ini bukanlah sesuatu yang mudah dan kecil kerana segala-galanya sekarang ini adalah nilainya amat tinggi dan amat mahal. Jadi wajarlah pemberian menurut kuasa Rang Undang-undang yang dibentangkan ini dapat diberi penilaian yang sewajarnya supaya pemberian yang akan diberikan kepada Kerajaan Selangor dapat benar-benar memberi nilai sepertimana yang telah diberikan pengorbanan oleh Kerajaan Selangor itu sendiri terhadap Kerajaan Persekutuan. Dengan ini saya menafikan kalau sekiranya ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa pembayaran yang diberikan ini begitu tinggi sekali jika dibandingkan dengan nilai-nilai di masa sekarang ini terhadap nilai-nilai yang telah diserahkan oleh Kerajaan Selangor menerusi Wilayah Persekutuan yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah yang saya berikan ini saya berharap pihak Kerajaan dapat memberi pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya menurut Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.56 ptg.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981 ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah meminta penjelasan mengenai asas-asas yang telah digunakan bagi menentukan jumlah pampasan ke atas harta-benda sebanyak \$3,550 juta yang telahpun dipersetujui di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Sepertimana kita telah mengikuti perbahasan di atas Rang Undang-undang ini sangatlah ketara dan jelas pada kita semua bahawa dalam soal hendak menentukan asas-asas bagi pampasan pada kawasan Wilayah Persekutuan yang telahpun diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan amatlah sukar sekali kerana jumlah pampasan banyak bergantung kepada apa dia sifir, apa dia formula, apa dia kriteria yang kita gunakan bagi penentuan pampasan bagi kawasan Wilayah Persekutuan. Dalam perkara ini amatlah nyata dan jelas juga bahawa soal cukup, tidak cukup, soal kecil ataupun besar, soal lumayan ataupun sebaliknya adalah merupakan soal yang begitu subjektif sekali.

Daripada ucapan-ucapan sebentar tadi cukup menggambarkan kepada kita bahawa ada pihak yang mengatakan bahawa pampasan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mengambilalih ataupun dalam menerima penyerahan daripada Kerajaan Selangor adalah begitu lumayan dan sebaliknya pula ada Ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang menyatakan bahawa jumlah itu tidak memadai kalau dihitung dari segi pengorbanan yang terpaksa dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam hal ini saya sukalah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan Persekutuan sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, kepada rakyat negeri Selangor pada keseluruhannya di atas kesanggupan, di atas kerelaan mereka untuk menyerahkan sebuah kawasan seluas 91 batu persegi kepada Kerajaan Persekutuan. Rasa saya kalau kita hendak buat perhitungan

tentang nilai sebenarnya kawasan yang telah diserahkan itu maka jumlah \$3,550 juta memanglah merupakan jumlah yang tidak realistik. Dan kalau kita lihat daripada segi "futuristic value" kawasan yang merupakan ibu negara ataupun menggunakan istilah Ahli Yang Berhormat dari Kangar "kepala negara" memanglah jumlah \$3,550 juta itu tidak begitu realistik. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar bagi kita hendak menentukan nilai sebenarnya, bukan sahaja bergantung kepada formula ataupun sifir yang digunakan tetapi, lebih lagi amat mustahil bagi kita hendak menilai daripada segi "symbolic Value" wujudnya sebuah ibu negara bagi Persekutuan Malaysia kita ini. Rasa saya tidak ada sesiapaupun yang boleh memberi satu jumlah ataupun satu nilai yang boleh diterima sebulat-bulatnya sebagai nilai yang sewajarnya kita bayar bagi wujudnya sebuah ibu negara bagi negara Malaysia kita.

Justeru itu suka saya menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam menentukan jumlah \$3,550 juta itu Kerajaan tidak mengasaskan jumlah itu kepada formula ataupun sifir yang tertentu kerana sifir dan formula itu boleh dipertikaikan. Tetapi sebaliknya jumlah \$3,550 juta itu merupakan jumlah yang telah dipersetujui di atas semangat muhibbah di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Jumlah itu mengambil kira juga perbelanjaan yang begitu besar yang terpaksa dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan sebuah ibu negeri yang baru iaitu di Shah Alam dan juga bagi pembangunan bandar-bandar yang lain seperti bandar Gombak, Petaling dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini di peringkat pegawai yang telah menganggotai Jawatankuasa Kewangan Perjanjian Kuala Lumpur telah menawarkan satu jumlah pampasan sebanyak \$1.5 billion ataupun \$1,500 juta sahaja kepada Kerajaan Negeri tetapi apabila Jemaah Menteri telah memikirkan tentang perkara ini jumlah \$1,500 juta itu telah dinaikkan sekali ganda lagi sampai \$3,550 juta kerana berdasarkan kepada semangat muhibbah dan berdasarkan kepada



pengorbanan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan rakyatnya kepada negara kita keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sama ada tanah-tanah di dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini telah kesemuanya diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan, sukacita saya jelaskan bahawa semua tanah-tanah yang belum lagi diserahkan hakmiliknya ataupun belum lagi dialienated kepada mana-mana pihak dengan kuatkuasanya Perjanjian ini akan jatuh kepada tangan Kerajaan Persekutuan, tetapi sebaliknya tanah-tanah yang mana telah diserahkan hakmiliknya kepada badan-badan seperti P.K.N.S. masih tetap menjadi harta badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyatakan bahawa perlunya bantuan yang lebih besar lagi diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor, umpamanya, mengenai soal penubuhan sebuah institusi pelajaran tinggi di negeri Selangor. Sukacita saya jelaskan bahawa dalam soal pengwujudan institusi pelajaran tinggi, Kerajaan tidak mengasaskan penubuhannya kepada keperluan sesebuah negeri tetapi sebaliknya kepada keperluan negara kita pada keseluruhannya. Dalam pada itu kalau hendak dikira dari segi tempat wujudnya sebuah institusi pelajaran tinggi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu tidak sedar bahawa ada dua institusi pelajaran tinggi di dalam Negeri Selangor iaitu Universiti Kebangsaan di Bangi dan juga Institut Teknologi MARA (ITM) di Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai projek-projek tambahan yang seharusnya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, tidaklah boleh lagi dikaitkan dengan Perjanjian Penyerahan Kawasan Wilayah Persekutuan ini kerana kedua-dua pihak tertakluk kepada perjanjian-perjanjian yang telahpun ditandatangani pada awal tahun ini. Dalam pada itu Kerajaan Persekutuan memang sentiasa

bersimpati dengan keperluan Kerajaan Negeri Selangor untuk membawa lebih banyak lagi pembangunan bagi Negeri Selangor dan kalau sekiranya difikir perlu mendapat bantuan kewangan dari semasa ke semasa bolehlah diberi pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan seperti Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara-perkara yang seharusnya dibangkitkan dalam masa perbincangan peruntukan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi saya tidak bercadang untuk mengulas perkara-perkara tersebut tetapi bolehlah saya serahkan perkara-perkara tersebut kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menetapkan apa syarat-syarat pada peringkat atas Kerajaan Negeri bagi membelanjakan peruntukan sebanyak \$3,550 juta itu mahupun peruntukan lebih kurang \$18 juta yang akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan buat selama-lamanya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terserahlah kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk membelanjakan peruntukkan tersebut dengan cara-cara yang difikirkan patut dan sesuai di atas keperluan dan kepentingan negeri Selangor.

Saya mengalu-alukan apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru iaitu janganlah kita besar-besarkan sangat perbelanjaan di atas projek-projek yang dipandang sebagai mempunyai nilai simbol yang agak besar seperti pembinaan pintu gerbang, pembinaan tugu, pembinaan taman ataupun tasik dan sebagainya. Kerana kalau kita hendak mengujudkan sebuah ibu negeri yang baru barang sudah tentulah kita perlu juga taman-taman rekreasi. Tentu kita perlu sebuah tugu untuk memperingati pejuang-pejuang kebangsaan kita dan sebagainya. Jadi saya dan juga Kerajaan Persekutuan penuh yakin bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan menggunakan peruntukan ini dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan negeri

Selangor dan rakyatnya pada keseluruhannya. Sekian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Pendahuluan* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.13 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta Untuk Meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dibuat sekarang ialah untuk memenuhi tujuan-tujuan berikut:

*Pertama:* Untuk melaksanakan satu skim baru di mana pencarum-pencarum

KWSP boleh mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk membeli rumah. Skim ini adalah lain dari skim rumah kos rendah.

*Kedua:* Untuk mengemaskan definisi "wages" supaya maknanya serupa untuk sektor Perkhidmatan Awam dan pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

*Ketiga:* Untuk melaksanakan skim baru di mana seorang pencarum KWSP boleh membuat pilihan untuk terus menyimpan carumannya dengan KWSP apabila dia mencapai umur 55 tahun tetapi beliau boleh mengeluarkan faedah tahunan.

*Keempat:* Untuk membolehkan caruman majikan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang telah diletakkan dalam Perkhidmatan berpencen disalurkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan.

*Kelima:* Untuk mengemaskan definisi "pensionable employee" selaras dengan pindaan-pindaan kepada Akta-akta yang berkaitan.

*Keenam:* Untuk mengemaskan peruntukan untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan di potong dari caruman KWSP, dan

*Ketujuh:* Untuk mengemaskan peruntukan berkenaan dengan pengecualian membayar Duti Harta Pesaka.

Tujuan pertama pindaan ke Ordinan KWSP 1951 seperti yang saya telah sebutkan tadi ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan baru di bawah seksyen 2 dan seksyen 13 (1A) Ordinan KWSP 1951 bagi membolehkan KWSP melaksanakan satu skim baru di mana seseorang pencarum KWSP boleh mengeluarkan sebahagian daripada kredit carumannya untuk tujuan mem-

beli sebuah rumah. Skim ini adalah lain dari skim yang sedia ada untuk pembelian rumah kos rendah. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini pencazum-pencarum KWSP dari golongan yang berpendapatan \$500 sebulan ke bawah boleh mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka bagi tujuan membeli sebuah rumah kos rendah. Pengeluaran ini adalah dihadkan kepada 10% daripada harga rumah kos rendah itu dengan had maksimumnya sebanyak \$2,000.

Dengan adanya skim baru ini, pencazum-pencarum KWSP dari golongan yang berpendapatan lebih dari \$500 sebulan boleh mendapat peluang untuk menggunakan sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu mereka membeli sebuah rumah. Pengeluaran maksima dihadkan kepada 45% dari kumpulan kredit seseorang pencazum tertakluk kepada 10% dari harga rumah yang dibeli atau dibina atau \$20,000 yang mana yang rendah. Pindaan kepada Seksyen 2 ialah untuk mengadakan dan peruntukan baru iaitu bagi definasi "new house" dan "prescribed amount". Tujuan mengadakan kedua-dua peruntukan baru ini adalah untuk menentukan takrif rumah yang boleh dibeli oleh seseorang pencazum di bawah skim baru ini serta menentukan jumlah caruman yang boleh dikeluarkan untuk tujuan tersebut. Pindaan kepada Seksyen 13A merupakan peruntukan baru yang membolehkan pihak KWSP melaksanakan skim baru tersebut. Pindaan-pindaan ini dicadangkan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1982 iaitu tarikh skim baru ini akan dilaksanakan.

Tujuan kedua pindaan Ordinan KWSP 1951 ialah untuk mengemaskan definasi "wages" supaya maknanya serupa untuk sektor Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, iaitu gaji bulanan termasuk elaun-elaun berpencen. Pindaan ini perlu kerana definasi "wages", diproviso yang ada sekarang iaitu Seksyen (2) hanya menentukan definasi "wages" iaitu gaji bulanan termasuk elaun-elaun berpencen bagi pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan sahaja. Ini bermakna elaun-elaun tak berpencen yang diterima oleh pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam

hendaklah diambilkira dalam menentukan caruman KWSP mereka walaupun ini tidak dilakukan dengan pelaksanaan laporan Jawatankuasa Kabinet. Dengan pindaan ini penentuan caruman KWSP bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan dapat diseragamkan.

Tujuan ketiga pindaan kepada Ordinan KWSP ialah untuk menambah peruntukan baru iaitu seksyen 13A (1) (b). Tujuan seksyen 13A (1) (b) ini diadakan untuk membolehkan pelaksanaan satu lagi skim baru oleh KWSP. Di bawah skim ini, seseorang pencazum KWSP boleh membuat pilihan untuk terus menyimpan carumannya dengan KWSP apabila dia mencapai umur 55 tahun dan di samping itu ia boleh mengeluarkan faedah tahunannya yang mana akan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Pindaan ini dicadangkan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1981 oleh sebab pencazum-pencarum tersebut boleh mendapat pengecualian cukai dalam tahun taksiran 1982.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 13B (1) dan 13B (2) pula, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah akibat daripada pindaan kepada beberapa Akta yang berkaitan. Pindaan kepada Seksyen 13B (1) dibuat dengan tujuan untuk mempercepatkan pembayaran ganjaran dan pencen kepada pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Melalui peruntukan yang sedia ada, caruman majikan untuk pekerja-pekerja yang akan bersara hendaklah diserahkan kepada Urusetia Kumpulanwang Persaraan Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan untuk pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan, manakala untuk pekerja-pekerja Kerajaan Persekutuan diserahkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan (Federal Consolidated Fund). Adalah perlu untuk meminda peruntukan ini oleh kerana mulai 1-1-1981 segala urusan bayaran faedah-faedah persaraan bagi kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah ditanggungkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan sahaja.

Mengenai seksyen 13B (2) pula, pindaan yang dicadangkan ini ialah untuk memperkemas definisi "pensionable employee" selaras dengan berkuatkuasanya beberapa akta baru yang berkaitan dengan perkara-perkara pencen iaitu Akta "Statutory and local Authorities Pensions Act 1980" dan Akta Pencen 1980.

Tujuan keenam pindaan kepada Ordinan KWSP 1951 ialah untuk mengemaskan peruntukan seksyen 15 untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan dipotong dari caruman KWSP. Sukalah saya menjelaskan bahawa seksyen 15 ini telah dipinda semasa pindaan dibuat kepada Ordinan KWSP dalam tahun 1980, untuk membolehkan caruman KWSP digunakan untuk membayar semua hutang-hutang kepada Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan jika perintah mahkamah telah diterima oleh Lembaga KWSP. Walau bagaimanapun, semasa pindaan ini dibuat, peruntukan yang lama yang sedia ada tidak dibatalkan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa peruntukan yang lama iaitu proviso kedua seksyen 15 itu dibatalkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ketujuh kepada Ordinan KWSP 1951 adalah bertujuan untuk memperkemas peruntukan untuk pengecualian membayar Duti Harta Pesaka di bawah seksyen 20 (d). Pindaan ini dibuat berdasarkan bahawa had \$5,000 yang ada sekarang tidak lagi sesuai dan praktikal. Ini adalah kerana semenjak 18-10-1979, had pengecualian Duti Harta Pesaka telah dinaikkan ketahap \$300,000. Mengikut perangkaan di KWSP, simpanan simati yang tidak melebihi \$20,000 adalah merupakan simpanan dari mereka yang termasuk dalam golongan yang dikecualikan dari membayar Duti Harta Pesaka. Dengan pindaan ini peruntukan seksyen 20 (d) adalah selaras dengan had pengecualian Duti Harta Pesaka yang sedang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamad Yasin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,** soalnya di hadapan Majlis ini ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 dibaca kali kedua sekarang ini dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.31 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):**  
Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian berbahas atas suatu Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya adalah menyokong sepenuhnya kepada beberapa pindaan yang telah dicadangkan untuk meminda seksyen-seksyen umpamanya 2, 13, 13A 15 dan 20.

Tuan Speaker, dari pandangan saya nampaknya sudah tiba masanya dan kena pada tempatnya bagi Dewan yang mulia ini untuk menyokong beberapa pindaan yang dianggap sangat significant dan mustahak bagi melindungi kaum pekerja khususnya ahli-ahli KWSP untuk memiliki rumah-rumah yang sangat dihausi oleh mereka kerana memandangkan kenaikan kos-kos dan harga rumah-rumah yang dibina baharu-baharu ini khususnya dalam tempoh 4 atau 5 tahun kebelakangan ini.

Tuan Speaker, saya memang bersetuju bahawa suatu kadar pinjaman atau satu jumlah yang boleh dikeluarkan umpamanya tidak melebihi 45% atau tidak melebihi \$20,000 untuk membolehkan seseorang ahli KWSP membeli rumah untuk kegunaan atau kediaman diri sendiri ini merupakan satu langkah yang sangat bijaksana dan sangat wajar dan ini sudah menunjukkan bahawa Kerajaan adalah selalu mementingkan kepentingan kaum pekerja yang berjumlah melebihi 5 juta yang ada di Malaysia pada hari ini.

Saya harap bahawa KWSP bukan sahaja hanya menaikkan angka sampai ke maksima \$20,000 sahaja untuk membeli rumah kerana memandangkan harga rumah hari ini umpamanya rumah kos rendah juga melebihi \$20,000 kadang-kadang rumah yang berharga atau bernilai melebihi \$30,000 ini

juga dikelasifikan sebagai rumah yang berkost rendah atau rumah yang dianggap untuk keperluan atau kepentingan pekerja. Jikalau seseorang pekerja yang berpendapatan di bawah \$500 kalaulah KWSP hanya boleh memberikan pinjaman tidak melebihi 45% atau \$20,000 maka mungkin ada sebahagian kaum pekerja akan mengalami masalah kewangan untuk membayar umpamanya booking fee atau membayar first instalment. Saya harap Kementerian Kewangan boleh mempertimbangkan untuk menolong umpamanya menetapkan bahawa semua ahli-ahli di bawah skim baru KWSP untuk membeli rumah baharu ini boleh menolong mereka membayar umpamanya booking fee tidak melebihi \$1,000 dan first instalment tidak melebihi \$3,000 dan yang balancenya perlulah ditanggung dan dibayar oleh skim baharu di bawah jagaan KWSP. Yang lebih mustahak sekali ialah bunga atau faedah yang dikenakan ke atas pinjaman ini melalui caruman-caruman KWSP ini harus diubahsuai supaya kaum pekerja tidak akan diberatkan untuk membayar umpamanya instalment 20 atau 25 tahun kerana bunga yang tinggi ini akan menyusahkan ahli-ahli KWSP yang merupakan sebagai ahli yang terbesar dalam sebuah organisasi kebajikan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan kaum pekerja.

Sebenarnya kalau kita menghalusi Laporan Kira-kira Tahunan KWSP, umpamanya laporan yang baharu dibentangkan pada petang ini iaitu laporan tahun 1979 kita boleh dapati bahawa jumlah ahli KWSP sebenarnya sudah melebihi dekat 4 juta bilangan ahlinya, dan jumlah caruman yang sudah dicarumkan kepada KWSP ini boleh dikira berbilliarden ringgit tetapi yang saya dapati bahawa boleh dikatakan sebahagian besar wang yang dicarumkan itu sudah digunakan sebagai skim pelaburan (investment) sepertimana yang dinyatakan di dalam muka surat 38 di bawah Consolidated Schedule of Investment. Nampaknya banyak wang sudah dipinjamkan kepada Kerajaan untuk melaksanakan berbagai projek pembangunan dan sebahagiannya adalah untuk membeli saham-saham public company sepertimana yang disenaraikan dalam laporan tahun ini.

menggunakan sebahagian wang caruman yang dibayar oleh kaum pekerja ini untuk menanam modal dalam joint venture atau skim-skim perumahan supaya KWSP sendiri boleh mengadakan projek-projek perumahan di mana harga-harga rumah ini boleh dikawal, ditetapkan bersesuaian dengan kemampuan ekonomi ahli-ahli KWSP. Saya fikir cara ini lebih berkesan untuk menolong kaum pekerja khususnya ahli-ahli KWSP boleh memiliki atau membeli rumah-rumah yang lebih rendah kosnya dan juga adalah di bawah kemampuan ekonomi mereka. Ini adalah cadangan saya dan saya berharap bahawa Kementerian Kewangan boleh menimbang untuk meminda beberapa seksyen lagi khususnya boleh meminda seksyen yang ada kaitan dengan lembaga yang dikuasakan untuk menentukan jenis peraturan yang akan dilaburkan. Saya fikir keutamaan (priority) perlu diberikan atas jenis projek pembangunan perumahan, jangan hanya bergantung kepada sektor awam atau sektor swasta untuk mengadakan peluang-peluang (facilities) membeli rumah untuk ahli-ahli KWSP, mungkin ini akan membebankan kewangan kaum pekerja khususnya dari ahli-ahli KWSP.

Tuan Speaker, saya fikir Dewan yang mulia ini perlu mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Kewangan yang berani dan berinisiatif untuk membawa beberapa pindaan untuk meminda Ordinan KWSP pada petang ini dan juga kita perlu mengucapkan syabas bagi Kerajaan yang begitu mengambil berat dan memberikan priority untuk menjaga kepentingan kaum pekerja bagi membolehkan mereka memiliki atau membeli rumah-rumah yang merupakan satu perkhidmatan sosial yang paling asas bagi kaum pekerja kita. Saya harap pada masa-masa yang akan datang sektor swasta atau sektor awam bila sesuatu projek diadakan sekurang-kurangnya saya mencadangkan 30% hingga 40% dari jumlah unit rumah yang akan dibina ini percentage ini perlu diperuntukkan atau dikhaskan untuk membina rumah kos rendah supaya mereka khususnya sektor swasta adalah bertanggungjawab sosial yang sepenuhnya untuk menolong Kerajaan, pertama mengatasi masalah kekurangan rumah, kedua

Tuan Speaker, saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan bagaimana KWSP boleh membolehkan kaum majikan untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka untuk menolong pekerja-pekerja mereka memiliki rumah mereka. Saya harap langkah-langkah yang perlu ini perlu diambil oleh Kerajaan.

Akhirnya, saya perlu menarik perhatian Kementerian Kewangan bahawa sungguhpun satu skim baharu sudah diadakan untuk membolehkan kaum pekerja membeli rumah melalui skim baharu ini tetapi masalah yang serius masih belum diatasi, baharu-baharu ini khasnya dalam tempoh 8 bulan ini bila facility pinjaman bank telah dibeku atau dihadkan untuk orang ramai membeli rumah.

Memang saya menyokong segala langkah Kerajaan untuk anti inflasi, untuk menolong menurunkan atau memerangi masalah inflasi sedunia ini tetapi masalah projek pembangunan perumahan di Malaysia ini nampaknya agak terjejas dan orang ramai tidak akan dapat memiliki rumah kos rendah jika sekiranya masalah fasiliti pinjaman bank ini tidak dikaji semula. Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian Kewangan review keseluruhannya langkah-langkah yang sudah dikenakan kepada commercial bank atau syarikat-syarikat kewangan di mana orang ramai khasnya rakyat yang berpendapatan rendah yang sangat menghausi sebuah rumah ini sangat-sangat untuk memperolehi bantuan atau fasiliti dari bank-bank yang biasanya boleh mendapat pinjaman. Saya harap perkara ini boleh diambil berat dan tindakan yang segera boleh diambil, jika tidak saya sangat khawatir bahawa mungkin rakyat Malaysia pada masa yang akan datang akan membayar kos yang lebih tinggi untuk membeli rumah dan kedua, ini akan menjejaskan perusahaan perumahan di Malaysia khasnya dalam hubungan Rancangan Malaysia Keempat.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.42 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, saya bangun untuk menyampaikan sedikit

pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1981.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi adapun tujuan Rang Undang-undang ini untuk meluaskan kemudahan kebajikan kepada para pencarum. Menurut beliau dua skim kebajikan ada dikemukakan menerusi Rang Undang-undang ini.

Pertama, pencarum-pencarum KWSP akan dibenarkan mengeluarkan sebanyak tidak melebihi 10% harga pembelian rumah atau tidak melebihi 45% daripada jumlah caruman mereka dengan KWSP atau \$20,000 mengikut mana yang lebih rendah untuk membeli sebuah rumah dalam sebuah projek perumahan badan berkanun atau mana-mana projek perumahan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP.

Kedua, pindaan dibuat adalah untuk membolehkan mana-mana pencarum yang telah mencapai umur 55 tahun untuk mengeluarkan faedah bonus tahunan ke atas jumlah caruman yang boleh dapat dalam KWSP sebagai menggantikan bayaran sekali gus kepada pencarum bila mencapai umur yang tersebut.

Tuan Speaker, pada prinsipnya saya menyokong Rang Undang-undang ini sungguhpun saya merasai bahawa jumlah yang diluluskan untuk dikeluarkan iaitu sejumlah tidak melebihi 10% daripada harga pembelian sesebuah rumah baru hendaklah dinaikkan sedikit lagi memandangkan bahawa pada masa sekarang amatlah sukar pembeli-pembeli rumah mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan swasta untuk membeli rumah.

Tuan Speaker, satu laporan yang keluar dalam suratkhbar tempatan pada hari ini telah menunjukkan bahawa jika seseorang berpendapatan kurang daripada \$3,000 sebulan, beliau adalah terlalu tidak mampu untuk membeli apa juga jenis rumah di mana bank boleh meluluskan pinjaman.

Tuan Speaker, apa yang jelas kepada saya sebagai satu perkara yang amat penting ialah betapa perlunya KWSP menyegerakan kelulusan semua permohonan mengeluarkan

wang untuk membeli rumah memandangkan bahawa apa juga kelewatan dalam **pembayaran rumah boleh berakhir dengan kenaikan harga yang tinggi.** Ini bermakna bahawa pembeli akan terpaksa membayar lebih wang untuk membeli sesebuah rumah.

Saya dengan ini suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengambil perhatian tentang perkara ini supaya dapat memberikan satu jaminan kepada Dewan ini bahawa semua permohonan untuk mengeluarkan wang bagi pembelian rumah akan disegerakan.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah dengan pengemukaan skim ini berkaitan dengan pemilikan rumah saya suka menggesa Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya meluluskan lebih banyak projek perumahan yang akan membolehkan pembeli-pembeli rumah ini layak mendapat permohonan mengeluarkan wang itu.

Berhubung dengan kelulusan projek perumahan oleh Lembaga KWSP saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan apakah garis panduan yang diikuti oleh Lembaga KWSP apabila menimbangkan kelulusan projek perumahan yang terletak di bawah skim pemilikan rumah yang baru itu.

Tuan Speaker, berhubung dengan pindaan yang lain yang membolehkan pencarum KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun mengeluarkan faedah bonus tahunan daripada jumlah caruman yang dikecualikan daripada cukai pendapatan, jika beliau atau si pencarum memilih tidak mengeluarkan semua wang ini saya hendak mengalu-alukannya, akan tetapi saya ingin mencadangkan di sini supaya KWSP dapat menimbang menaikkan kadar faedah (interest rate) 8% yang ada sekarang kepada satu kadar yang lebih tinggi, katakan 10% ataupun sekurang-kurangnya 9% supaya semua pencarum KWSP akan mendapat faedah yang lebih bermakna daripada skim itu.

Tuan Speaker, sebagai pemegang amanah rakyat, KWSP hendaklah terus-menerus mengkaji semula dasar-dasarnya daripada semasa ke satu masa untuk mengetahui

bagaimana dan dalam apa cara pun semua pencarum KWSP boleh memperoleh lebih faedah daripada caruman mereka.

Skim pemilikan rumah yang ada sekarang yang dikemukakan hari ini melalui Rang Undang-undang ini adalah satu langkah ke dalam arah yang betul. Adalah menjadi harapan saya bahawa pada satu masa yang akan datang pencarum KWSP boleh dibenarkan mengeluarkan sebahagian caruman mereka untuk digunakan sebagai bentuk modal memulakan perniagaan kecil. Adalah kehendak saya bahawa ini dapat dipertimbangkan oleh KWSP pada suatu masa yang sesuai dalam sedikit masa depan.

Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa langkah-langkah pun sedang dirancangan oleh KWSP untuk menubuhkan sebuah Panel Pelaburan untuk menggubal garis-garis panduan tentang strategi pelaburan KWSP. Memandangkan di atas, saya suka mencadangkan bahawa Panel Pelaburan itu hendaklah merancang untuk membolehkan, untuk mendekatkan KWSP ke arena pelaburan dengan secara berkesan.

Satu bidang yang saya menganggap bahawa KWSP dapat melabur ialah berkenaan dengan di bidang perumahan dan saya berharap bahawa KWSP dapat menjadikan sebuah pemaju perumahan supaya KWSP boleh memainkan satu peranan yang penting untuk membina lebih banyak rumah di negara ini bagi tujuan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat.

Tuan Speaker, walaupun saya tidak ada apa-apa bantahan kepada KWSP sekiranya ia bertujuan untuk termasuk arena pelaburan, saya suka juga mencadangkan bahawa faedah yang terkumpul daripada sesuatu pelaburan bolehlah dan dapat dibahagikan kepada pencarum-pencarum. Ini pada pandangan saya adalah wajar dan sesuai oleh kerana KWSP melaburkan wang yang datang daripada caruman itu. Barangkali satu jalan yang mana para pencarum KWSP boleh menikmati sama faedah pelaburan KWSP ialah sebagaimana yang telah disyorkan oleh saya tadi ialah bagi pihak KWSP untuk menimbang meninggikan kadar faedah KWSP daripada 8% kepada 10%.

Tuan Speaker, yang akhirnya saya berharap bahawa Lembaga KWSP dapat merangka satu skim yang boleh memberi faedah kepada pencarum selepas berjaya melaksanakan satu strategi pelaburan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

5.55 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita di mana naskah sahnya dalam bahasa Inggeris, jadi saya berharaplah supaya lain kali jika hendak membentangkan Rang Undang-undang hendaklah naskah sahnya kalau boleh dalam Bahasa Malaysia juga. Namun demikian apa yang saya faham daripada terjemahan-terjemahan dapatlah saya rumuskan bahawa daripada pindaan-pindaan yang terdapat dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan memberi faedah-faedah serta kemudahan-kemudahan yang lebih lagi kepada pencarum-pencarum dan untuk itu saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pindaan yang berkaitan dengan pelaksanaan skim baru di mana ia membolehkan seseorang yang telah mencapai umurnya 55 tahun mengeluarkan faedah tahunan dengan terus menyimpan simpanannya dengan KWSP dan langkah yang diambil ini saya rasa harus juga kita beri pujian kepada pihak Kementerian ini kerana ia membolehkan pencarum-pencarum yang telah mencapai usianya 55 tahun dan yang tidak bergantung kepada wang simpanan mereka pada masa itu untuk menyimpan simpanan mereka kekal dengan KWSP dengan cara hanya mengeluarkan faedah tahunan yang mereka layak perolehi. Ini bukan sahaja memberi faedah kepada pesara ataupun pencarum-pencarum yang

mempunyai rancangan untuk menggunakan wang simpanan mereka ini pada kemudian hari bahkan saya rasa juga akan memberi faedah kepada Kerajaan yang memerlukan banyak wang untuk menjalankan rancangan-rancangan serta projek-projek pembangunan dan saya juga faham bahawa dia akan memberi faedah kepada pencarum-pencarum yang terpaksa memikul beban yang berat dari segi pelajaran anak-anak mereka.

Apa yang saya maksudkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah pencarum-pencarum di dalam lingkungan umur 45 tahun sehingga 55 tahun di mana mengikut kebiasaan dalam lingkungan umur ini sudah tentu mereka ini mempunyai anak-anak yang mula masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi seperti maktab-maktab dan juga universiti-universiti. Oleh yang demikian adalah juga mustahak bahawa mereka ini dibenarkan untuk mengeluarkan faedah-faedah yang terkumpul pada tiap-tiap tahun untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka ini. Saya percaya dengan ini sudah barang tentu akan meringankan lagi beban yang ditanggung oleh mereka ini dan saya berharap supaya pihak Kementerian Kewangan membuat penyesuaian yang sewajarnya terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Kementerian ini kerana dapat mengadakan suatu peruntukan yang telah menaikkan pengecualian pembayaran duti harta pesaka daripada \$50,000 kepada \$200,000. Ini adalah satu langkah yang bijak dan dapat benar-benar memberikan faedah kepada pencarum-pencarum dan juga pesara-pesara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh dan ingin saya memberikan cadangan di sini supaya pihak Kementerian ini mencari jalan supaya untuk mengadakan satu skim yang dipanggil Skim Pencen Nasional (National Pension Scheme) supaya dapat memberikan faedah yang lebih banyak dan yang dapat memberi kemudahan yang lebih lagi kepada bakal-bakal pesara dan juga pencarum-pencarum ini.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.02 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang kuat di atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sekejap tadi. Saya mengucapkan syabas kerana ini adalah harapan rakyat dan kaum pekerja yang memanglah menunggu-nunggu bila lagi rancangan ini akan dijalankan. Alhamdulillah dengan pindaan Undang-undang ini yang sedang kita bincangkan sekarang maka lebih banyak kaum pekerja akan beroleh nikmat ataupun kemudahan memiliki rumah sendiri. Saya ingin juga mengesyorkan kepada KWSP supaya menyusun rancangan, bukan setakat membeli rumah sahaja, malahan lain-lain rancangan lagi dari segi membeli pelaburan, pelajaran kepada kanak-kanak dan lain-lain lagi kerana ini perlu dan mustahak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, hajat Kerajaan hendak meminda Akta ini adalah kerana hendak memberi kemudahan kepada kaum pekerja yang berpendapatan rendah supaya memiliki rumah sendiri, tetapi saya khuatir dan ragu beberapa banyak daripada mereka ini apabila rancangan ini dijalankan akan betul-betul dapat nikmat dan membeli rumah kerana keadaan inflasi yang begitu tinggi sekarang yakni dengan hanya mengeluarkan wang 45% ataupun tidak lebih daripada \$20,000 rumah jenis manakah yang mereka ini dapat membelinya? Lagipun membeli rumah ini tidak boleh membeli daripada projek swasta, hanya boleh membeli daripada projek Kerajaan ataupun rumah-rumah yang dibuat oleh badan-badan berkanun dan sebagainya. Ini perlu dikaji semasak-masaknya dan adalah sewajarnya kalaulah betul-betul hajat Kerajaan hendak memberi kemudahan kepada kaum pekerja yang ada wang di dalam KWSP ini, maka tibalah masanya bagi Kerajaan memikirkan bagaimana caranya kita hendak menurunkan harga rumah murah.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan

negara-negara jiran yang telah dapat menjalankan skim ini memanglah rumah yang dibina oleh Kerajaan itu lebih murah daripada swasta dan mampu dibeli dan dimiliki oleh mereka ini kerana rumah-rumah yang dibina dan dikelolakan oleh Kerajaan sendiri. Oleh yang demikian, adalah sewajarnya kalaulah rancangan ini dijalankan oleh Kerajaan dan rumah itu kalau harganya tinggi, maka tak mungkin kaum pekerja membeli rumah yang sempurna. Maka saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memikirkan lebih lanjut dengan kerjasama KWSP dan juga Kementerian Perumahan supaya satu Lembaga Perumahan diwujudkan di dalam negara kita ini. Maka dengan jalan demikian, mereka memikirkan cara mana kita boleh membina rumah yang sesuai dengan kaum pekerja dan kosnya tidak lebih daripada \$20,000 sesuai lengkap dan menasabah bagi mereka memiliki sebuah rumah di dalam negaranya yang merdeka ini.

Oleh yang demikian, saya mintalah pihak Kerajaan, khususnya KWSP supaya memikirkan secara serius. Janganlah kita membuat satu skim tetapi apabila rakyat hendak membeli rumah maka didapati harga rumah murah lebih daripada \$30,000-\$40,000 wal hasilnya kaum pekerja ada wang di dalam KWSP hanya mampu mengambil pendahuluan maksima \$20,000 sahaja. Ini adalah penting dan mustahak diperhatikan. Pada pandangan saya kaum pekerja memanglah berharap sangat supaya mereka juga dapat memiliki rumah kerana kebanyakan penyimpan wang itu adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah, berpendapatan kecil dan mempunyai famili yang agak besar. Maka rumah yang mereka memiliki itu mestilah wajar dan sesuai dan tapak perumahan itu janganlah begitu jauh di pedalaman sangat.

Apa juga rancangan oleh Lembaga Perumahan saya syorkan tadi supaya coordinated effort secara integrated dibuat dan segala kemudahan diberi kepada mereka supaya mereka dapat duduk dengan lebih aman dan sentosa dengan rumah yang dibeli oleh mereka dengan wang titik-peluh mereka sendiri. Ini adalah penting dan mustahak sekali. Saya juga menyokong kalaulah selain daripada memiliki rumah patutlah juga

KWSP ini memikirkan bersama, katalah, seseorang itu apabila sampai umur 55 tahun beliau ingin hendak memasuki lapangan perniagaan maka kalaulah skim itu juga kita boleh memberi bantuan sebagai seorang penyimpan wang beliau hendak memulakan perniagaan, maka bolehlah mereka mengambil wang daripada KWSP. Selama hari ini kita tengok wang KWSP ini kebanyakan orang kita yang menyimpan tak dapat nikmat hanya waris atau anak isterinya sahaja kerana apabila cukup umur 55 tahun baru dia dapat wang carumannya. Lazimnya orang kita jarang sampai 55 tahun. Jadi, saya inginlah mengesyorkan kepada KWSP ini supaya boleh disusun semula dengan memikirkan untuk investment yang mereka buat, bukanlah tertumpu kepada apa mereka jalankan pada hari ini semata-mata.

Akhirnya, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada Kementerian kerana berani membawa satu Rang Undang-undang yang mana perkara ini memang sudah lama patut dijalankan oleh Kementerian ini. Bukanlah baru tahun ini malah 10 tahun dahulu patut dijalankan rancangan ini kerana pada masa itu harga rumah pun sangat murah dan sangat rendah. Kita percaya apabila rancangan itu dibuat dan apa yang kita tengok satu rancangan rumah Kerajaan yang dibuat sebanyak 30-80 unit dengan permohonan yang hendak memiliki rumah itu sampai melebihi 2,000 pemohon. Ini membuktikan rakyat dahagakan kepada rumah maka apa yang saya syorkan tadi patutlah dikaji sama oleh pihak Kerajaan, bukan Kementerian Kewangan semata-mata malah beberapa Kementerian patutlah memikirkan sama bagaimana rakyat boleh dapat nikmat memiliki rumah sendiri sepertimana yang dijalankan oleh negara lain, terutama negara jiran kita sehingga berjalan rancangan ini begitu teratur sekali dan tiap-tiap orang berasa puas hati di atas bantuan dan pertolongan Kerajaan kepada mereka melalui wang KWSP yang datang daripada titik-peluh mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sokong Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.08 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum wang simpanan pekerja adalah wang titik-peluh pekerja yang dicarumkan dan ditambah caruman Kerajaan. Kita tahu wang caruman itu telah dilabur dan mendapat keuntungan daripada pelaburan itu dan Kerajaan juga sebagaimana yang kita tahu telah mencari banyak wang kerana dengan wang Kerajaan dapat mencari wang. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pekerja-pekerja telah menjadi satu bukti kepada kita bukanlah sahaja mereka itu menjadi sebagai seorang pekerja untuk bekerja di segenap segi dan segenap lapangan, bahkan wang mereka yang telah mereka carumkan itu juga sebagaimana saya katakan tadi menjadi kebaikan dan menjadi keuntungan kepada negara kerana dengan wang itu dapat kita gunakan dari segi lain-lain kegunaan. Di samping itu saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan atau pihak majikan-majikan yang telah mencarumkan bersama seimbang dengan apa yang dicarumkan oleh pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini salah satu daripada perkaranya ialah membolehkan pihak pencarum ini mendapat pinjaman perumahan.

Sebagaimana kita maklum dalam negara kita hari ini masalah perumahan adalah satu masalah yang amat rumit yang ditimbulkan oleh segenap golongan rakyat, baik yang menjadi pemaju perumahan yang bertujuan untuk mendapat kekayaan masing-masing. Tetapi yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, telah ada rakyat dalam negara kita ini yang telah bekerja berpuluh-puluh tahun namun tiap-tiap tahun beliau sebagai manusia yang kita tahu, sebagai makhluk Allah tentulah ada tempat persinggahan, tempat kedudukan, malangnya masih banyak rakyat di negara kita khasnya kepada pekerja-pekerja sebagaimana kita sama-sama tahu masih tidak ada rumah, tempat yang penting

untuk menjadi tempat penginapan dan sebagainya, mereka terpaksa menyewa dengan sebab kekurangan kewangan untuk memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan ini akan menjadi satu kesenangan ataupun satu jalan kepada Kerajaan untuk menolong rakyat di segi perumahan, sebagaimana yang saya katakan tadi telah menjadi satu masalah yang besar.

Di sini saya suka mengesyorkan supaya kalau boleh KWSP ini berjalan dengan licin lagi baik di segi perumahan juga di segi pentadbiran. Sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tiap-tiap pekerja telah mencarumkan wangnya dalam simpanan KWSP dan ini telah menjadi faedah kepada dirinya dan juga kepada negara. Dengan sebab itu saya berharap sangat kalau ada pihak majikan-majikan yang tidak mengambil hirau di atas pekerja-pekerjanya, tidak mahu mencarumkan sama maka ini patutlah pihak KWSP ataupun pihak Kerajaan mengambil tindakan kerana ini merugikan pekerja-pekerja itu sendiri, apatah lagi peluang-peluang yang macam ini akan diadakan yang mana faedahnya akan dapat kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang rakyat biasa juga mencarumkan di dalam KWSP. Sebagai contoh saya mengatakan kebanyakan ahli pencarum kepada KWSP khasnya yang telah berhenti daripada bekerja dibolehkan menyimpan dalam KWSP. Tetapi kalaulah dia tidak ungit balik, tidak tulis cara halus ataupun daripada mana pejabatnya yang awal maka dia tidak dapat tahu kerana KWSP tidak memberi laporan kepada tiap-tiap penyimpan sedangkan saya tengok dan saya dapati misalnya Tabung Haji, walaupun satu orang telah menyimpan berpuluh-puluh tahun yang lepas, tetapi dia berhenti, laporannya masih dihantar oleh pihak Lembaga Tabung Haji. Jadi saya berharap sangat kepada KWSP ini juga menghantarkan laporan tahunannya kepada tiap-tiap pencarum yang menyimpan di dalam KWSP khasnya yang sedang ataupun yang telah berhenti daripada menyimpan untuk diketahui, janganlah semata-mata bila hendak diungkit, hendak diberitahu pada masa itu baru dapat diberitahu, sedangkan

Tabung Haji sebagaimana saya katakan tadi hendak diambil tahu atau tidak diambil tahu tetapi tiap-tiap tahun diberikan laporan di atas penyimpan yang berkenaan tadi.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dengan adanya projek perumahan yang macam ini saya bersetuju dengan pendapat kawan-kawan saya tadi janganlah kita nanti apabila berumur 55 tahun baru hendak membeli rumah kerana dia telah menggunakan wang di masa ia masih muda khasnya di masa umur mereka 30an-40an dan sebagainya, patutlah diadakan berbagai-bagai rancangan.

Selain daripada perumahan dan di segi lain lagi khasnya perkara yang penting Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu hari ini pegawai atau sebagai pekerja tentulah dia tidak boleh hendak menumpukan pekerjaan sebagai peniaga dan sebagainya. Tetapi tempat duduk dia tidak pilih siapa sama ada Wakil Rakyat, pegawai, kerani atau sebagainya. Rumah adalah satu tempat yang dikehendaki oleh tiap-tiap manusia, dengan sebab itu apa yang disyorkan atau yang dipinda dalam Rang Undang-undang ini amatlah munasabah kerana kita dapat tahu hari ini ada di antara pekerja-pekerja yang tidak ada rumah dan banyak daripada pekerja-pekerja yang ada rumah kerana keadaan masyarakat kita tidak sama. Barangkali ada di antara setengah pekerja-pekerja yang dia tumpu semata-mata pendapatannya daripada gaji bulannya yang dia dapat di atas pekerjaannya tadi dan kita tidak nafi disebabkan cara keturunan terdiri daripada orang yang berkemampuan, banyak juga pekerja-pekerja yang kita dapati walaupun pendapatannya tidak begitu lumayan, tetapi rumah telah tersedia dengan sebab pendapatan daripada keluarga harta pusaka dan sebagainya, ada di antara pekerja-pekerja walaupun pendapatannya tidak begitu tinggi tetapi disebabkan sebagaimana saya katakan tadi keturunan harta pesakanya dia boleh dikatakan hidup dengan lumayan dan mempunyai rumah. Namun begitu keadaan ini telah menjadi masalah, dia menjadi masalah yang besar.

Sebagaimana saya katakan tadi ada dua perkara, satu memang ada manusia yang betul-betul tidak ada rumah, tempat hendak

duduk dan kita tidak boleh nafi sebagaimana kata Wakil Rakyat daripada Ulu Muda tadi ini kenyataan yang benar, ada yang ada rumah tetapi asalkan dia dapat peluang memiliki rumah waima cara beli apatah kalau mendapat dengan harga yang murah tentulah ia akan memilih kerana kita tahu keadaan negara bukanlah di negara kita sahaja, bahkan seluruh dunia begitu, keadaan satu tahun ke satu tahun harganya berlainan, misalnya kalau satu orang membeli rumah dalam masa 10 tahun yang lepas agaknya kalau harga 100,000 hari ini boleh jadi harga kosnya harus meningkat lebih daripada setengah harga, harus \$200,000 itulah yang dapat tahu daripada harga-harga rumah bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, di bandar-bandar besar bahkan di bandar-bandar kecil. Jadi dengan sebab itu, kalaulah peluang yang semacam ini dapatlah kepada pekerja-pekerja walaupun dia ada mempunyai rumah atau tidak ada mempunyai rumah, kalaulah dia ingin memiliki syarat ini bolehlah dikenakan.

Saya berharap baik di segi perumahan awam yang ditentukan oleh Kerajaan begitu juga yang ditetapkan oleh KWSP. Saya yakin bila diluluskan Rang Undang-undang ini boleh dikatakan tiap-tiap orang ingin hendak memiliki rumah asalkan dia sebagai seorang penyimpan dalam KWSP dia ingin hendak memiliki rumah dengan alasan yang saya katakan tadi, kerana dia tahu walaupun dia tidak duduk tetapi rumah itu akan mendapat untung. Ini kenyataan. Ini adalah hakikat apa yang berlaku dalam negara kita pada hari ini, sebab itulah walaupun kita buat banyak rancangan perumahan, baikpun pihak swasta, tetapi Kerajaan buat perumahan juga, namun rumah-rumah tidak cukup kerana kita dapati ada di antaranya yang memiliki rumah sampai 2-3 buah, dengan rumah tadi dia boleh berniaga mendapat untung banyak. Jadi saya berharaplah niat Kerajaan walaupun hendak bagi kepada KWSP, tetapi di dalam permohonan yang banyak ini utamakan dahulu kepada pekerja-pekerja yang telah mencarum, yang dia betul-betul tidak ada rumah. Di segi kekeluargaan sebagaimana yang saya katakan tadi disebabkan dia seorang yang tumpukan itu sahaja pendapatannya dia tidak boleh dengan pertolongan keluarga, dia tidak ada rumah

hanya menyewa sedangkan anak dan keluarganya sampai 4-5 orang dan sebagainya. Ini banyak berlaku, jadi utamakanlah yang ini dahulu, siapa yang minta sahaja dibenarkan dan saya percaya perkara ini tidak akan berlaku-tentu tidak boleh beri semua kerana yang saya takut tadi pemberian yang tidak kena pada tempatnya kerana kalau kita hendak tolong biarlah kita tolong kepada orang-orang yang betul-betul yang kita fikirkan menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sebagai membalas budi pekerja yang telah menyimpan wang caruman yang saya katakan tadi dengan wang itu kita boleh membuat berbagai-bagai keuntungan. Di samping itu juga membalas budi kepada Kerajaan pada mereka balik sebanyak mana yang mereka carum. Ini adalah satu petanda yang baik bagi kedua-dua pihak. Tetapi saya berpendapat kalaulah kita kadarkan \$10,000 atau \$15,000 yang boleh dipinjam tentulah perkara ini memayahkan lagi, dengan sebab itu saya berpendapat biarlah bersesuaian dengan kaum pekerja misalnya \$25,000 kos rumah harga rendah bagi kaum pekerja, semua sekali mendapat pinjaman kemudian kita potong balik daripada wang caruman KWSP tadi, misalnya kalau 10% tidak cukup kita potong 20% dan ditambah pula oleh majikannya lagi sebagai satu bukti untuk membalas budi pekerja-pekerja tadi.

Jadi, saya sangat berharap dengan kelulusan pindaan Rang Undang-undang ataupun tambahan Rang Undang-undang yang dikemukakan untuk membolehkan mengambil pinjaman perumahan yang saya katakan tadi, ini menyelesaikan salah satu daripada problem ataupun masalah perumahan yang timbul dalam negara kita, kalau pun tidak boleh 100% khasnya kepada pekerja-pekerja yang kita tahu pekerja-pekerja ini kebanyakannya tidak berpendapatan tinggi dan masalah rumahnya tidak ada; dengan kelulusan ini saya sangat berharap akan dapat kita atasi, terutama biarlah kena pada tempatnya iaitu orang yang betul-betul tidak ada rumah orang itulah kita utamakan dahulu. Jangan buat rumah banyak, jangan buat undang-undang orang yang ada rumah lagi ada rumah, yang tidak ada rumah tetapi tidak ada juga.

Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, di samping kelulusan ini kita berhati-hatilah macam mana saya katakan tadi. Dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan saya berharap sebagaimana saya katakan tadi dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.22 ptg.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 dalam Dewan yang mulia ini.

Semasa perbahasan sebentar tadi beberapa cadangan dan teguran yang membina dan menarik telah diutarakan. Saya tidak bercadang untuk menjawab semua teguran-teguran yang telah dibangkitkan satu demi satu akan tetapi saya rasa beberapa hujah-hujah yang telah dibangkitkan perlu diberi penjelasan dan penerangan yang lebih lengkap.

Menyentuh tentang hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Kuala Lumpur Bandar, saya bersetuju dengan pandangannya bahawa had yang telah ditetapkan iaitu \$20,000 ataupun 10% daripada harga rumah asalkan ianya tidak melebihi 45% jumlah caruman seseorang pencarum itu tidaklah mencukupi sebagai pendahuluan bagi membeli rumah. Sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan bahawa tujuan utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ditubuhkan adalah untuk menjaga kepentingan seseorang pekerja semasa ia bersara. Oleh yang demikian, adalah juga mustahak bahawa seseorang pekerja itu tidak mengeluarkan kesemua ataupun sebahagian besar simpanan mereka di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kalau ini dibenarkan tujuan utama penubuhan KWSP akan gagal. Saya tidak bermaksud bahawa pelaburan dalam sebuah rumah bukan

merupakan sejenis security untuk masa persaraan. Apa yang penting di sini adalah rakyat jelata perlu bekerja dengan sedaya upaya supaya menyimpan melalui mana-mana sumber sebagai satu langkah untuk memiliki rumah sendiri. Peruntukan yang baru dibentangkan ini cuma merupakan sejenis bantuan sahaja.

Untuk menjawab seruan Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru tentang faedah-faedah yang dikenakan ke atas pendahuluan di bawah skim baru ini, suka saya menegaskan bahawa cara pendahuluan di bawah skim baru ini tidak dikenakan faedah atau pembayaran balik. Ianya merupakan pengeluaran wang pencarum-pencarum sendiri dan bukan sebagai sejenis pinjaman.

Tentang soal faedah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, KWSP akan mengkaji kadarnya dari semasa ke semasa berdasarkan kepada pulangan pelaburannya.

Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan peruntukan baru iaitu Seksyen 13A (1) (b) yang memberi pilihan kepada pesara-pesara yang mencapai umur 55 tahun untuk mengeluarkan faedah tahunannya. Cadangan Yang Berhormat itu adalah memang baik dan saya penuh bersetuju bahawa mereka yang dalam lingkungan 45 tahun sehingga 55 tahun tentu mempunyai tanggungan yang lebih berat memandangkan bahawa anak-anak mereka pun telah meningkat besar. Walau bagaimanapun, saya suka mengulangi di sini memang ada peruntukan dalam Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membolehkan seseorang pencarum yang telah mencapai umur 50 tahun untuk mengeluarkan 1/3 jumlah wang simpanan mereka supaya dapat memenuhi tanggungan mereka. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan terus diambil perhatian.

Setakat ini sahaja ulasan saya terhadap teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan. Untuk perkara-perkara lain yang telah juga dibangkitkan, perhatian akan diambil untuk tindakan yang sewajarnya. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari esok, Selasa, 13hb, Oktober, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*